

**Jilid III  
Bil. 26**



**Hari Isnin  
26hb November, 1973**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI**

**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 3057]**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3057]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3058]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3058]

Ucapan Takziah kepada Toh Puan Hajjah Norashikin dan Keluarga [Ruangan 5059]

Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Y.B. Tuan Tibuoh anak Rantai [Ruangan 3060]

Cuti—Kebenaran Y.B. Dr Awang bin Hassan [Ruangan 3060]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3060]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3103]**

**USUL-USUL:**

Merakamkan Perasaan Dukacita atas Kematian Allahyarham Y.B. Tun Dr Ismail dan Ucapan Takziah kepada Toh Puan Norashikin dan Keluarga [Ruangan 3107]

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua [Ruangan 3114]

DICETAK OLEH  
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Isnin, 26hb November, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.45 petang*

**YANG HADIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSOF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- ” Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- ” Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- ” DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- ” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- ” TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- ” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- ” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- ” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

- Yang Berhormat TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

Yang Berhormat DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabak Selatan).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

(13) Akta Maklumat Pekerjaan (Pindaan), 1973; dan

(14) Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1973.

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti dikehendaki dalam Perlembagaan:

Tuan Abdul Rahman bin Sabri.

## PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973;
- (2) Akta Letrik (Pindaan), 1973;
- (3) Akta Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973), 1973;
- (4) Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan masuk Akaun), 1973;
- (5) Akta Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan), 1973;
- (6) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973;
- (7) Akta Pengambilan Tanah (Pindaan), 1973;
- (8) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2), 1973;
- (9) Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) (No. 2), 1973;
- (10) Akta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan) (No. 2), 1973;
- (11) Akta Biro Siasatan Negara, 1973;
- (12) Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan), 1973;

## MENGALU-ALUKAN AHLI BAHARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Baharu yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2);
- (2) Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973);
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan masuk Akaun);
- (5) Rang Undang-undang Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara);
- (7) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);

- (8) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) (No 2);
- (10) Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan) (No. 2);
- (11) Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara;
- (12) Rang undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Maklumat Pekerjaan (Pindaan); dan
- (14) Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan).

*Tandatangan:*

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA,"

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA  
TOH PUAN HAJJAH NORASHIKIN  
DAN KELUARGA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang penuh sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang pemimpin, negarawan dan patriot yang bermutu tinggi, Allah yarham Yang Amat Berhormat Tun Datuk Dr Ismail Al-Haj bin Datuk Haji Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada hari Kamis, 2hb Ogos, 1973, dan bagi pihak Parlimen saya sampaikan takziah Dewan ini kepada balu beliau Toh Puan Hajjah Norashikin dan keluarga. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan dicucuri rahmat ke atas rohnyanya. Dan sebagai mengenangkan jasa-jasa Allah yarham yang tidak ternilai kepada bangsa dan negara Malaysia, marilah kita bersama-sama bangun bertafakkur sebentar selama seminit.

Suatu usul akan dibawa berkenaan dengan perkara ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemudian daripada Soal-jawab.

*(Ahli-ahli bangun bertafakkur selama satu minit)*

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA  
KELUARGA MENDIANG Y.B.  
TUAN TIBUOH ANAK RANTAI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang sedih saya memaklumkan iaitu kita sekali lagi telah kehilangan seorang Ahli dengan kematian Y.B. Mendiang Tuan Tibuoh anak Rantai tidak beberapa lama dahulu. Bagi pihak Parlimen saya telahpun menghantar surat takziah kepada keluarga Mendiang itu. Marilah kita berdoa semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas rohnyanya dan sebagai mengenangkan jasa-jasa Mendiang itu, marilah kita bersama bangun bertafakkur sebentar selama seminit.

*(Ahli-ahli bangun bertafakkur selama satu minit)*

**CUTI—KEBENARAN  
Y.B. DR AWANG BIN HASSAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Dr Awang bin Hassan selama dua tahun mulai daripada 10hb September, 1973.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KENAIKAN HARGA BARANG  
KEPERLUAN**

**1. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada beliau sedar bahawa sungguhpun pihak Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha dengan sedaya upaya namun harga barang-barang keperluan tetap melambung tinggi. Adakah langkah-langkah yang lain yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar tentang masalah kenaikan harga dan telah mengambil beberapa langkah untuk meredakannya. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Bab VI dalam Kertas Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua, yang dibentangkan sebagai Surat Perintah No. 44 tahun 1973, untuk mendapat maklumat yang lebih. Perkara ini telah saya sebutkan juga dalam kenyataan saya ketika mengumumkan pemberian Elaun Bantuan Khas untuk pekerja-pekerja sektor awam pada 20hb Oktober, 1973.

Secara ringkas, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan termasuk tindakan untuk meluaskan lagi pengeluaran makanan serta bahan-bahan penting yang lain dan membanyakkkan saluran-saluran pembahagian bagi bahan-bahan itu. Tindakan kewangan telah diambil juga seperti mengapungkan nilai Ringgit Malaysia, menghadkan perkembangan "liquidity"; tindakan-tindakan fiscal seperti penarikan quota dan pengecualian cukai ke atas barang-barang impot yang penting dan; bantuan-bantuan untuk pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan pengguna-pengguna.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan dahulu, tindakan Kerajaan terhadap masalah ini ialah untuk meninggikan pengeluaran bahan-bahan penting serta memperluaskan saluran-saluran pembahagian bagi bahan-bahan itu secara serentak dan juga untuk meringankan tekanan kenaikan harga barang-barang terdapat golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan adalah sedar akan kesukaran dalam usaha melawan masalah kenaikan, harga, yang sebenarnya satu masalah di seluruh dunia pada masa ini. Sebab-sebab utama kenaikan harga ialah kekurangan makanan dan bahan-bahan penting yang lain di seluruh dunia dan barang-barang yang telah naik harga itu terpaksa diimpot ke Malaysia.

Selama ini, kita dalam Malaysia telah dapat mengelak daripada kenaikan harga yang melambung kecuali baru-baru ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana dasar ekonomi kita bebas dan terbuka, apabila pembangunan bergerak dengan lancar, nescaya sedikit sebanyak kenaikan harga akan muncul. Walaupun demikian, kenaikan

harga di negara kita tidaklah sehebat atau seburuknya seperti yang berlaku di negara-negara lain pada masa ini. Apa yang perlu kita buat ialah untuk menentukan supaya apa-apa tindakan yang kita ambil tidak akan memburukkan lagi keadaan kenaikan harga dan supaya tekanan kenaikan harga ke atas golongan rakyat yang berpendapatan rendah adalah seringan yang boleh. Inilah tujuan-tujuan dalam tindakan-tindakan Kerajaan. Kita berharap pihak swasta, persatuan-persatuan sekerja dan golongan-golongan yang lain akan memberi kerjasama mereka sepenuhnya terhadap langkah-langkah Kerajaan itu.

Jikalau tiada apa-apa rintangan, kita menjangka bahawa corak kenaikan harga akan dapat dikurangkan dalam bulan-bulan yang akan datang. Apabila tindakan-tindakan yang telah diambil oleh negara-negara perusahaan untuk mengawal kadar inflasi mulai berkesan, kenaikan harga barang-barang yang kita impot mungkin berkurangan.

Kejayaan kita menilai semula Ringgit Malaysia dan dengan bertambahnya keteguhan apabila ianya mengapung naik, akan memberi kesan baik dalam beberapa bulan hadapan. Kita akan mengambil juga langkah-langkah untuk menentukan supaya "profiteering" dan tindakan-tindakan curang dalam sistem pembahagian, tidak akan membantu menafaat yang akan diperolehi daripada tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi.

Apa yang lebih penting lagi ialah langkah-langkah yang kita sendiri telah ambil untuk menambahkan pengeluaran makanan dan bekalan barang-barang penting untuk pengguna-pengguna dan pelabur-pelabur. Kita mempunyai cukup tanah dan bahan-bahan lain untuk berbuat demikian dalam masa yang singkat. Kerajaan telah memberi perhatian yang berat dalam perkara-perkara ini dan kita akan nampak hasilnya di masa hadapan. Kita akan terus menentukan bahawa bekalan makanan dan barang-barang penting yang lain sampai ketangan semua rakyat Malaysia, tidak kira di mana mereka tinggal. Nyata sekali saluran-saluran pembahagian perlu diperluaskan dan diperbaiki. Dalam perkara inilah persatuan-persatuan kerjasama, pertumbuhan-pertumbuhan peladang dan gerakan-gerakan pengguna mempunyai peranan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi aukan kepada Dewan ini dan seluruh rakyat Malaysia amnya bahawa Kerajaan, sedaya-upayanya, mengambil segala tindakan yang boleh dalam perkara ini. Kita berharap badan-badan perniagaan, peladang-peladang, persatuan-persatuan sekerja dan seluruh rakyat akan memberi kerjasama mereka sepenuhnya untuk menentang dan mengatasi masaalah ini.

Saya akan menyentuh masaalah kenaikan harga ini dalam ucapan saya semasa membentangkan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua pada petang ini kelak. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat peluang yang cukup untuk memberi pandangan masing-masing terhadap masaalah ini semasa membahaskan Kajian Semula. Rancangan Malaysia Yang Kedua pada beberapa hari yang akan datang ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar apabila Dewan ini bermesyuarat pada bulan April dan Mei Kerajaan Perikatan telah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mengambil segala tindakan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan. Malangnya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar walaupun Kerajaan telah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mengawal harga barang-barang keperluan, tetapi harga tersebut semua dinaikkan. Adakah Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil tidak mencukupi. Umpamanya, tarif terhadap beberapa barang yang masuk ke tanahair kita belum ditarik balik atau beberapa lesen impot atau import restrictions boleh dibuatkan. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, bolehkah Kerajaan berbuat demikian?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada mesyuarat yang lalu Kerajaan terangkan iaitu Kerajaan akan berusaha untuk mencegah kenaikan harga barang ini dengan seberapa daya yang boleh. Saya tidak fikir yang Kerajaan kata akan mengawal kenaikan harga barang. Saya suka terangkan iaitu masaalah kenaikan harga barang ini satu masaalah yang kompleks. Jadi, bukan masaalah yang dihadapi oleh negara kita sahaja bahkan masaalah yang dihadapi oleh seluruh

dunia. It is a world-wide problem; every country in the world is facing inflation now. Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mengambil langkah dengan cermat dan langkah-langkah yang kita telah ambil, sedang ambil dan akan ambil tidak ada diterangkan satu-satu, saya baru terangkan tadi dan dalam Buku Merah ini ada diterangkan langkah-langkah yang akan diambil. Saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat ada pandangan lagi di atas perkara ni, bolehlah dikemukakan pada masa kita membahaskan Mid-Term Review pada hari ini, besok dan empat lima hari yang akan datang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di antara sebab-sebab inflasi di tanah air kita ialah Cukai Jualan. Oleh sebab Cukai Jualan maka beberapa atau kebanyakan barang-barang keperluan di tanah air kita harganya dinaikkan. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbang tentang Cukai Jualan ini supaya cukai ini diubah atau dibatalkan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi masaalah ini masaalah yang kompleks. Bukan satu sebabnya. Banyak sebabnya kenaikan harga barang dan satu sebab yang penting ialah imported inflation iaitu barang-barang yang dibawa dari luar negeri naik harga. Kita terpaksa membayar barang-barang itu dengan harga yang tinggi. Jadi dengan sebab itulah kenaikan harga barang berlaku di negara kita. Seperti saya kata tadi, satu langkah yang penting ialah kita membanyakkan pengeluaran barang-barang keperluan, samada barang makanan, barang pakaian dan barang-barang lain di negara kita ini. Dengan itu kita tidak akan mengimpot barang-barang yang mustahak ini dan dengan itu saya percaya kita dapat kawal harganya. Jadi Cukai Jualan bukanlah menyebabkan kenaikan harga barang ini kerana menurut peraturan kita ada banyak barang-barang iaitu essential goods semua dikecualikan daripada Cukai Jualan (Sales Tax).

**Tuan V. Veerappen:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak harga barang-barang dinaikkan disebabkan imported inflation, tetapi apakah sebab harga barang-barang yang dikeluarkan dalam negeri kita

sendiri seperti building materials, kayu balak dan simin dinaikkan. Kalau begitu, bolehkah Kerajaan ambil tindakan untuk mengawal eksport barang-barang ini supaya harga barang-barang ini tidak begitu mahal dan rakyat kita boleh dapat rumah-rumah yang murah.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini kata orang Putih ialah common sense. Ahli Yang Berhormat itu seorang peguam atau loyar, tentu dia ada common sense, dia tahu sebab perkara ini naik. Kalau barang-barang yang diimport yang mustahak itu naik, tidak dapat tiada penjual-penjual di negara kita naikkan juga barang-barang yang mereka itu jual. Jadi benda ini dia berikutan daripada satu ke satu. Saya katakan tadi perkara ini kompleks, kita kena mengambil langkah-langkah yang tegas daripada satu masa ke satu masa dan langkah-langkah itu tidak akan memberi kesan dengan serta-merta, tentu akan mengambil masa. Kalau benda ini boleh diatasi dengan serta-merta, nescaya negara-negara lain barangkali tidak ada inflasi. Tetapi kita dapati negara-negara jiran kita, khasnya negara Singapura harga barang lebih tinggi lagi daripada Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Menteri-menteri pada masa lampau selalu menyalahkan peruncit-peruncit yang mengakibatkan kenaikan harga barang, dan pada satu masa telah menyeru pengguna-pengguna memboikot peruncit-peruncit, akan tetapi satu sebab utama kenaikan harga barang ialah kilang-kilang atau di tempat pengeluaran menetapkan harga tinggi untuk barang-barang mereka dan ambil peluang ini mendapat untung yang lebih besar. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengawal dan mencegah kilang-kilang atau at the manufacturer's end daripada meninggikan harga-harga untuk kepentingan rakyat jelata?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat kurang faham berkenaan kedudukan manufacturers ini. Manufacturers barang-barang yang mustahak yang mendapat pioneer status tidak boleh menaikkan harga barang dengan tidak mendapat persetujuan daripada Kerajaan, yang menaikkan harga barang itu bukan manufacturers, tetapi distribution

agents. Itulah saya katakan tadi penjual-penjual pun kadang-kadang salah juga, banyak orang yang bersalah dalam hal ini. Salah mereka itu kerana hendak mengambil untung terlalu banyak. Jadi dengan sebab itulah kita terpaksa mengambil tindakan yang tegas daripada beberapa segi untuk mengatasi masalah inflasi iaitu masalah yang kompleks yang dihadapi bukan oleh kita sahaja bahkan oleh seluruh dunia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pioneer industries adakah Kerajaan buat satu kajian dalam semua kilang-kilang di negara ini termasuk kilang-kilang yang bukan pioneer industries. Saya rasa jikalau dibuat satu kajian akan mendatangkan faedah yang besar dan lagi kita tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyatakan satu daripada sebab kenaikan harga barang ialah importers hendak dapat untung seratus-peratus. Apakah tindakan Kerajaan sudah ambil untuk menentang kejadian yang tidak bertanggung-jawa itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi kita telah kaji semua perkara ini, jadi kita tidak boleh hendak salahkan manufacturers yang setengah-setengahnya menaikkan harga barang, sebab barang-barang yang dibuat itu berkehendakkan bahan-bahan dari luar, bahan dari luar naik harga mereka terpaksa menaikkan harga. Benda ini adalah benda yang kusut, saya kata mustahak kita ambil tindakan dengan halus dan tegas daripada satu masa ke satu masa. Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, eloklah perkara ini dibincangkan dalam perbincangan Mid-Term Review yang kita akan kemukakan hari ini, jadi tidak merugikan masa Dewan ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan inflasi ialah bukan sahaja berlaku ditanahair kita bahkan inflasi adalah masalah yang berlaku di seluruh dunia. Ini kita mengakui, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan pengguna-pengguna, penjual-penjual, semuanya dan rakyat ada bersalah, tetapi pada pendapat beliau Kerajaan tidak bersalah terhadap inflasi di tanahair kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah beliau sedar barang-barang yang dikeluarkan daripada kilang-kilang dan seumpamanya di tanahair

kita semua kena Cukai Jualan. Oleh sebab itu, benda-benda yang keluar daripada kilang-kilang tersebut harganya dinaikkan dan bukan semua sebab imported inflation. Oleh sebab itu, bolehkah Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkaji semula Cukai Jualan, kerana Cukai Jualan ialah sebab yang paling penting yang menaikkan harga benda keperluan di tanahair kita.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya cakap tadi saya tak bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang menyatakan Cukai Jualan itu sebab yang pertama kenaikan harga barang itu. Saya kata tadi barang-barang yang essential (perlu) semua dikesualikan daripada Cukai Jualan tetapi harga naik juga. Saya katakan perkara ini kita kena siasat daripada semua segi, dan tidak boleh ambil satu dua perkara sahaja.

*(Dengan izin)* We have got to look at this in its true perspective and see the whole situation. This is a world-wide phenomenon, a problem faced by every country in the world and we have to take measures which can really be effective. It is no use taking one or two items and say, "You do this", or "You do that". We have been looking at this problem for several months. That is why we have come up with the suggestions that I have put forward just now to counteract this inflation, and I do hope that with these measures we will be able to contain the increase in prices, but we, of course, cannot guarantee this completely. There are factors which are beyond our control, but we will do our best and I am sure that if all the actions that we propose to take are supported by the people we will be able to reduce this inflationary trend to a greater extent.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, sebab apakah Kerajaan tidak boleh introduce price freeze kalau mahu kontrol harga-harga barang. Kedua, bolehkah Kerajaan beritahu berapa peratus kenaikan harga di seluruh tanahair kita bila Kerajaan beri elaun tambahan yang rendah kepada kakitangan Kerajaan. Dalam dunia ini tiap-tiap negeri bila ada inflasi seperti ini, Kerajaan mengemukakan satu undang-undang price freeze, bolehkah Kerajaan introduce price freeze dalam negara kita?

**Perdana Menteri:** Saya fikir kalau hendak introduce price freeze, mustahak juga di introduce wage freeze (*Ketawa*) kalau kedua-dua ini diintroduce harus boleh berkesan. (*Tepuk*).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan saya berkenaan dengan rakyat kita yang membeli beras dari Thailand, walaupun mereka pergi Thailand membeli beras untuk makan sendiri sahaja, Pejabat Kastam telah konfisket barang-barang itu. Beras itu tidak banyak hanya satu dua gantang sahaja. Apa sebabnya dirampas barang itu dari rakyat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Cuba baca soalan itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang beli beras dari Thailand itu beras yang tidak diimpot, jadi soalan saya ada berkenaan dengan soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir tidak berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perkara inflasi sangat rumit dan kompleks dan saya bersetuju bahawa itu world-wide phenomenon. Tetapi pengilang-pengilang, producers, manufacturers, importers dan profiteers juga satu world-wide phenomenon dan kepada mereka ini kita mesti ambil langkah untuk mencegah atas perkara ini. Oleh kerana perkara ini sangat penting dan berat kepada rakyat sebab sudah memotong kuasa membeli (purchasing power) orang miskin, bolehkah Kerajaan timbang menubuhkan price tribunal di mana persatuan pengguna berpendapat satu-satu barang itu tidak patut naik harga bolehlah dirayu-bicara kepada price board atau prices tribunal untuk dikaji dan disiasat patut atau tak patut harga barang itu dinaikkan. Cara ini boleh memuaskan rakyat jelata bahawa ada tindakan tegas diambil oleh Kerajaan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang barangkali menasabah sedikit, kita boleh timbangkan perkara itu. Saya diberitahu ada negara-negara yang cuba mengadakan price board itu, tetapi tidak berhasil. Saya suka mendapat keterangan-keterangan yang jelas daripada

Ahli Yang Berhormat itu, kita boleh timbangkan perkara ini kalau difikirkan boleh dijalankan kita sedia hendak cuba, tetapi saya katakan tadi di negara-negara yang telah cuba menjalankan perkara itu telah gagal.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir jika Kerajaan tidak boleh mengatasi inflasi yang sekarang berlaku di negara kita, apa-apa kemajuan yang telah dicapai bolehlah dikatakan cancelled off if we do not overcome this serious problem of inflation, dan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beritahu Kerajaan sedang mengkaji apa-apa langkah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah ini dan antara langkah-langkah yang Kerajaan mahu ambil bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbang sekarang dan beri satu more specific undertaking now towards this effect.

*(Dengan izin)* There are things within our control, such as the sale of crude oil overseas. There is a serious shortage of oil overseas and one day we may be hit by that shortage, even though we are a favoured nation vis-à-vis our Arab friends.

With regard to raw timber, raw iron-ore, copper and so on, would the Government now seriously consider restricting the exportation of these raw materials as one of the measures which could be taken to reduce some of the imported inflation which has come into the country? Steel, Sir, for instance, comes back to us at a terrific price right now.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi masalah inflasi ini kita tidak boleh hendak hapuskan semua sekali, hanyalah kita boleh reda dan kurangkan. Masalah seperti minyak dan kayu-kayan mendapat harga tinggi di luar negeri, kita mengeksport barang-barang ini ialah kerana kita dapat harga yang baik dan memberi keuntungan kepada negeri ini. Tetapi masalah timbul kelak iaitu mustahak kita mengawal eksport kerana kegunaan dalam negeri kita boleh timbangkan, pada masa ini masalah ini belum timbul lagi.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Untuk mengatasi masalah kenaikan harga-harga barang, kenapa Kerajaan tidak jual barang-barang keperluan hidup terus kepada rakyat di tiap-tiap daerah di negara kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang kita cuba hendak buat sekarang iaitu mengadakan kedai-kedai di peringkat jajahan dan juga di kampung-kampung yang dikelolakan oleh rakyat sendiri. Usaha-usaha sedang dijalankan dengan kerjasama Kerajaan Negeri, PERNAS dan ejensi-ejensi Kerajaan yang lain. Saya berharap usaha-usaha dapat disegerakan supaya dapat diadakan kedai-kedai ini di tiap-tiap jajahan, di tiap-tiap kampung dan dengan itu dapatlah penjualan barang-barang keperluan ini dikelolakan oleh rakyat sendiri.

**Dr Tan Chee Khoo:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan perkara inflasi di tanahair kita adalah masalah yang paling kompleks yang tidak boleh diatasi dengan serta-merta—itu kita akui. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan atau menjelaskan kepada Dewan ini berapa lama Kerajaan akan ambil supaya masalah ini boleh dikawal, oleh sebab kita sentiasa dengar daripada Menteri-menteri mengatakan, oh! jangan khuatir tidak berapa lama lagi semua harga benda-benda keperluan boleh dikawal tetapi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh jelaskan perkara ini, maka beliau boleh beri harapan kepada rakyat jelata di seluruh Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh hendak beri akuan berapa lama langkah-langkah ini akan memberi kesan, tetapi seperti yang saya katakan tadi, saya yakin dan percaya kalau langkah-langkah ini dapat dijalankan seperti yang kita cadangkan dalam masa tidak berapa lama lagi keadaan ini dapat dikawal. Langkah-langkah seperti hendak mengeluarkan barang-barang keperluan makanan dengan lebih banyak itu adalah mengambil masa kerana hendak menambah tanaman padi dan beras mengambil masa dua tiga tahun. Begitu juga hendak mengeluarkan barang-barang keperluan dengan mengadakan kilang-kilang mengambil masa. Perkara ini seperti saya katakan tadi kita tidak dapat hendak menentukan masa, tetapi kita berharap akan dapat diredakan keadaan inflasi ini dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan comrade saya Yang Berhormat

dari Bandar Melaka, saya pun ada dua cadangan. Bolehkah Kerajaan menerima cadangan ini? Yang pertama, sebab Kerajaan dapat faedah untuk mengawal harga gula dan harga beras sedikit, bolehkah Kerajaan luaskan essential commodities list. Yang kedua, sebab banyak profiteers dan hoarders seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Melaka; bolehkah Kerajaan lancarkan satu kempen seperti kempen membersihkan bandar-bandar—social discipline kepada penduduk-penduduk, penjual-penjual dan manufacturers.

**Perdana Menteri:** Social Discipline Campaign ini lagi mengambil masa (*Ketawa*). Saya ingat sampai satu jenerasi pun tidak boleh kita jayakan perkara ini, melainkan kalau dapat parti Pembangkang diam sedikit atas perkara ini, saya percaya tentu boleh berjaya. (*Ketawa*).

**Datuk James Wong Kim Min:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Prime Minister whether he considers that the increase in the prices of particular essential commodities such as rice, grain and foodstuffs is primarily due to the shortage of these commodities? If so, would the Prime Minister give an assurance to this House that in view of the need of curbing the prices and keeping the prices low now, that as a matter of urgency and as a matter of national policy, whether the Government would give every assistance to the rural farmers, such as subsidies and other forms of assistance, like credit facilities and so forth, to ensure that the farmers are able to plant enough and to have enough live-stock and cattle so that our nation will be self-sufficient in food. In the past—I wonder whether it has been changed yet—in the question of rice we previously aimed at only part self-sufficiency.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat ini tidak membaca suratkhabar. Saya sudah isytiharkan dahulu iaitu dasar kita sekarang sudah bertukar, kita akan mengeluarkan lebih 100% padi dan beras untuk keperluan negara kita, dan kita berharap di Sarawak dan Sabah juga akan menjadi self-supporting tentang beras dan padi pada masa akan datang dan Kerajaan Pusat akan memberi apa juga pertolongan yang patut untuk hendak menggalakkan petani-petani bertanam padi dengan lebih banyak lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar kes-kes yang dibawa ke Mahkamah tentang profiteering di tanah air kita malangnya kebanyakannya telah dibuang kes oleh Hakim di mahkamah di tanah air kita. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan supaya enforcement unit kita boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan teliti supaya kes-kes mereka bawa ke Mahkamah tidak dibuang kes oleh Hakim?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita sudah jalankan dalam negara kita, bagaimanapun kalau enforcement officer menjalankan tugas mereka dengan baik kalau Mahkamah hendak buang kes, kita tidak dapat hendak tahankan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Enforcement Unit itu tidak ada kuasa untuk menangkap sesiapa yang menjual dengan harga yang dinaikkan, tetapi Enforcement Unit ini juga ada kuasa untuk chek price tag, bukan chek harga barang-barang. Oleh itu, bolehkah diberi kuasa kepada Enforcement Unit untuk mengchek harga?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah keluar sedikit daripada soal ini dan dikehendaki detail. Sekarang ini kita hanyalah berkuasa mengchek price tag dan kita tidak ada lagi price-control, sebab price-control ini adalah satu masaalah yang rumit juga yang kita bercadang tidak hendak adakan pada masa depan.

**Dr Chen Man Hin:** Kerajaan sudah mengambil langkah untuk mengapungkan Ringgit Malaysia, tetapi faedahnya kalau dibandingkan dengan Pound Inggeris dan \$U.S.A. adalah ringan. Oleh sebab itu, apakah sebabnya buku-buku dari U.K. dan U.S.A. di kedai-kedai tidak turun, kalau wang kita sudah naik daripada Pound Inggeris dan \$U.S.A.?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebabnya nyata iaitu penjual-penjual buku ini hendak mendapat untung lebih, dia tidak mahu turunkan harga buku-bukunya.

## KERISIS KEKURANGAN BERAS

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sebab-sebab berlakunya kerisis kekurangan beras dan harga beras yang

melambung tinggi buat kali yang keduanya mulai bulan September tahun ini;

- (ii) mengapakah Lembaga Padi dan Beras Negara tidak tahu terlebih dahulu mengenai hal ini dan mencegah berlakunya lagi kerisis beras kali yang kedua; dan
- (iii) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin supaya kerisis beras tidak akan berlaku lagi dalam beberapa bulan yang akan datang.

**Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kekurangan beras tidak berlaku di Malaysia sehingga ke hari ini. Apa yang terjadi dalam bulan September lalu ialah timbulnya "artificial shortage" atau kekurangan yang dibuat-buat, yang sengaja ditimbulkan oleh separuh-separuh-peniaga padi dan beras untuk mencari keuntungan yang berlebihan. Dalam bulan itu, separuh-separuh kilang padi telah mengurangkan pengeluaran beras mereka dan ada yang menumpukan pengeluaran beras elok yang tidak pecah (100% full grains) dengan tujuan hendak menjual dengan harga tinggi sebagai beras asing. Ada juga peniaga-peniaga beras yang menyimpan beku (hoarding) bekalan beras mereka. Tujuan mereka ialah untuk menjualnya bila harga naik, atau mencari peluang bagi menyeludup beras keluar negeri. Harga beras di Malaysia telah naik dalam bulan September ialah disebabkan oleh faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Bagaimanapun, harga ini adalah masih rendah lagi daripada harga beras di pasaran dunia.
- (ii) Oleh kerana krisis kekurangan beras sebenarnya tidak berlaku, soal ini tidak timbul.
- (iii) Kerajaan melalui L.P.N. akan terus menjalankan usaha-usaha yang telah dapat mengatasi kekurangan yang dibuat-buat ataupun "artificial shortage" itu. Usaha-usaha ini termasuklah pembahagian dan penjualan beras dengan teratur dan adil, daripada beras Stockpile Kerajaan kepada

pengguna-pengguna melalui pemborong-pemborong beras; mengawasi pengilang padi dan penjualan beras oleh pihak swasta, di peringkat borong dan juga peringkat runcit, dan memastikan bahawa beras tempatan tidak diseludupkan keluar negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bila L.P.N. ditubuhkan oleh Parlimen pada tahun 1971, ia diberi tiga tugas. Pertama, ialah untuk menjamin bahawa petani-petani sawah mendapat harga yang patut. Kedua, untuk menjamin pengguna-pengguna dapat membeli beras dengan harga yang murah, dan ketiga, untuk menjamin bahawa untuk semua darurat untuk semua emergency adalah cukup bekalan beras. Tetapi telah berlaku dua kali dalam satu tahun krisis beras. Krisis itu ada dua aspek, bukan sahaja krisis kekurangan, sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercakap kekurangan itu dibuat-buat, tetapi juga krisis harga yang tinggi dan nampaknya bila krisis itu berlaku di bulan September, L.P.N. tidak tahu apa yang berlaku. Sebab itu yang pertama mereka salahkan peruncit-peruncit untuk hoarding, selepas itu salahkan pemborong-pemborong dan ketiga, lepas itu salahkan penyeludup-penyeludup—smugglers—yang sangat senang, oleh kerana smugglers tidak boleh mengeluarkan satu-satu kenyataan menerangkan keadaan ini. Oleh sebab itu bolehlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan satu jaminan bahawa harga beras yang sekarang sangat tinggi boleh turun lagi dan tidak akan berlaku, baikpun kekurangan yang dibuat-buat atau apa kenaikan harga beras lagi di masa depan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu memahami langkah-langkah yang kita ambil itu ialah dengan tujuan pertama sekali menentukan bekalan beras dalam negeri kita dan kedua dengan menentukan bekalan beras cukup; harga beras seharusnya dapat diturunkan.

Yang pertamanya, yang kita mesti tentukan ialah beras-beras yang ada di dalam negeri kita ini dikeluarkan, dijual, tidak diseludup, hoarding dan sebagainya. Dengan ada banyak pengeluaran beras-beras ini daripada disembunyi-semunyi, maka harganya kalau mengikut harga pasaran sepatutnya turun dan tidak patut naik melebihi-lebihi. Walaupun demikian bagi pihak L.P.N.

dan Kerajaan memang mengawasi masalah ini dan mengambil tindakan langkah-langkah menentukan iaitu sungguhpun kita tidak ada harga yang dikatakan price-control dengan harga beras, jika tidaknya harga beras ini tidak melambung-lambung dinaiki dengan perjalanan oleh peniaga-peniaga.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keterangan daripada pihak Timbalan Perdana Menteri bahawa kekurangan beras dan kenaikan harganya, pertama ialah disebabkan sengaja dibuat-buat oleh pengilang dan juga oleh pembahagi-pembahagi beras. Adakah Kerajaan bertindak dengan tegas merampas lesen kilang-kilang yang mengeluarkan beras, kerana hendakkan beras itu mahal dikurangkannya. Berapa banyak kilang yang sudah dirampas lesennya dan berapa banyak wholesaler yang menjual beras yang ditahan juga lesennya kerana mencari keuntungan menyusahkan rakyat dan negara.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain yang berkehendakkan butir-butir dan saya minta notis.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan mengatakan negara kita ada mengeluarkan 90% beras yang dikehendaki oleh rakyat tanahair kita, cuma yang kita perlu mengimpot 10% beras ke negara kita. Kita dengar daripada L.P.N. dan Menteri-menteri mengatakan kita telah mengimpot 100,000 tan beras daripada Republik Rakyat Cina dan 25,000 tan beras daripada Thailand dan kalau saya tidak salah, kita ada mengimpot lagi daripada Republik Rakyat Cina. Kalau sekiranya kita mengimpot begitu banyak beras daripada Republik Rakyat Cina dan daripada Thailand, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan mengapa masih ada kekurangan beras dan harganya pun dinaikkan?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengandungi dua masalah. Satu kekurangan beras dan satu lagi kenaikan harga. Ahli-ahli Yang Berhormat selalu bila bertanya masalah beras ini mencampur-adukkan dua masalah ini,

dan kekurangan beras seperti saya terangkan tadi tidak ada kekurangan beras. Yang ada kekurangan ialah kekurangan yang dibuat-buat. Jadi ini langkah-langkah, tindakan-tindakan Kerajaan ialah supaya beras-beras ini dikeluarkan supaya disampaikan dan dibahagikan kepada rakyat.

Berkenaan dengan kenaikan harga, ada beberapa faktur yang kadang-kadang harga itu naik sedikit terutama sekali kalau harga padi macam dulu, misalnya yang dijamin oleh Kerajaan berharga \$16.00 dan Kerajaan sudah menambahkan harga padi itu antara \$19.00 dan \$23.00 dan adalah kenaikan harga beras mengikut itu. Berkenaan dengan kenaikan harga, itu tentu berlaku, tetapi yang saya cakapkan dan juga Perdana Menteri cakapkan kenaikan itu mesti berpatutan. Kenaikan beras itu tentu ada sebab harga padi dinaikkan daripada \$16.00 kepada \$19.00 antara \$19.00 dan \$23.00. Dengan kenaikan itu, maka harga beras ikut naik. Tetapi walau bagaimanapun, seperti yang diterangkan oleh Perdana Menteri kalau dibandingkan harga beras di negara kita dengan di negara-negara lain masih murah lagi harga beras di negara kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa satu sebab krisis itu berlaku pada bulan September ialah peranan Lembaga Padi dan Beras Negara masa itu bukan untuk menolong petani-petani, tetapi sebagai orang tengah membeli padi harga lebih murah daripada swasta dan dengan sebab itu mengakibatkan satu keadaan yang tidak sihat seperti di Sekinchan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara di masa depan tidak akan memaksa beli padi dengan harga yang lebih murah daripada pihak swasta?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham tujuan-tujuan dan tugas-tugas Lembaga Padi dan Beras Negara. Harga padi memang dinaikkan. Itu ialah dengan arahan Kerajaan dan polisi Kerajaan menaikkan harga padi itu dibeli dengan harga mahal untuk memberi peluang dan keuntungan sedikit kepada petani-petani, sebab petani-petani beras atau padi pun menghadapi kenaikan harga berkenaan dengan barang-barang lain. Itulah sebab Kerajaan bersetuju dinaikkan sedikit harga

padi daripada \$16 daripada awalnya "guaranteed minimum price" dinaikinya antara \$19 dengan \$23 mengikut keadaan bersih dan kering padi itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri salah faham. Saya bukan menyebut "the guaranteed minimum price" tetapi di luar pasaran masa bulan September petani-petani boleh jual padi dengan harga lebih tinggi daripada "guaranteed price" itu tetapi terpaksa dijual kepada Lembaga Padi dan Beras Negara dengan harga yang lebih kurang. Bolehkah satu jaminan diberi bahawa perkara itu tidak akan berlaku dan jikalau petani boleh dapat harga lebih baik di pasaran mereka boleh jual.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah ditujukan kepada kawasan Tanjong Karang, Sekinchan dan sebagainya. Kawasan ini memang daripada awalnya Lembaga Padi Beras Negara mengawasinya dan membeli padi dan menyuruh orang-orang di sana menjual padi kepadanya. Tujuan asalnya ialah hendak menjamin dan menentukan petani-petani padi ini dapat harga yang berpatutan iaitu pada masa beras murah dan pihak swasta menawarkan harga-harga padi lebih rendah daripada harga jaminan Kerajaan. Pada masa ini harga beras dan barang-barang lain sudah naik, jadi swasta-swasta ini mengatakan dia hendak beli harga padi lebih daripada yang ditawarkan oleh Kerajaan iaitu \$19 dan \$20. Itu betullah.

Polisi ini akan diubah pada bulan Februari selepas habis masa menuai tahun depan, dan kawasan Tanjong Karang akan dibebaskan. Petani boleh membeli, boleh menjual padinya kepada sesiapa yang hendak dijual, tetapi kita memberi jaminan kepada petani, jika sudah dibebaskan dan dibukakan pasar ini kepada swasta dan jika swasta mengambil peluang menurunkan pula harga padi, turun daripada \$19 atau sampai \$10 atau \$8, masih Kerajaan menjamin akan membelinya dengan harga antara \$19 dengan \$23. Itu tujuannya.

**Tuan V. Veerappen:** Oleh kerana Lembaga Padi dan Beras Negara dan pihak swasta ada berlawanan atas harga padi ini dan juga Lembaga Padi dan Beras Negara sudah dapat

padi dari petani-petani dan oleh kerana kawalan harga oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sudah gagal, bolehkah Kerajaan ubah sikap atau tujuan Lembaga Padi dan Beras Negara supaya Lembaga Padi dan Beras Negara jadi satu pihak sahaja yang boleh masuk dalam perniagaan beras dalam negeri kita ataupun take over the whole of the rice business in order to avoid this conflict between private rice dealers and so forth and the L.P.N.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Perkara itu tidak ada dalam konteks soalan ini, tetapi ada soalan yang berkaitan samada Kerajaan patut mengambil alih berkenaan dengan perniagaan beras.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa samada benar atau tidak iaitu tidak ada sepanjang masa Lembaga Padi dan Beras Negara ditubuhkan bahawa penanam-penanam padi mesti menjual kepada L.P.N. dan tidak boleh kepada orang lain sekali pun di kawasan yang dikatakan Lembaga Padi dan Beras Negara menjadi monopolist di Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Apa yang berlaku di Tanjong Karang dan Sabak Bernam hendak menjaga supaya petani-petani tidak dikelirukan, tidak diperah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, jualan itu hanya dibuat melalui Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi belum ada satu masa pun yang pihak petani tidak boleh menjual kepada orang lain sekiranya petani suka hendak menjual lebih, kerana dapat harga yang lebih baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan mengatakan Lembaga Padi dan Beras Negara gagal menjaga harga, adakah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mendengar soalan yang jelas, atau yang tertentu sahaja.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Saya cuba hendak menjelaskan dan hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adakah dia boleh menyatakan benar atau tidak bahawa L.P.N. ini tidak menetapkan harga mesti tetapi yang dikatakan di situ yang berpatutan. Kalau

barang-barang lain naik, L.P.N. mengatakan yang berpatutan harganya itu sebagaimana yang telah diumumkan. Jadi tidaklah bagaimana apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tadi bahawa beras murah katanya, tetapi sebenarnya harga itu yang berpatutan kepada pengguna-pengguna dan harga padi yang berpatutan kepada petani-petani, adakah ini benar? Saya suka hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Benar. (Ketawa).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Bolehkah saya bertanya soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. (Ketawa).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan saya ialah berkenaan dengan masalah tidak cukup beras. Kita tahu beras dan padi—padi dari sawah (Ketawa) dan Perdana Menteri ada berkata bahawa Malaysia tidak cukup sawah, dan soalan saya apakah langkah Kerajaan sudah ambil hendak meluaskan lagi sawah di Malaysia?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa kita akan menambahkan lagi pengeluaran beras kita dengan menambahkan kawasan-kawasan.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan nampak iaitu oleh kerana hendak mematikan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) maka itulah sebabnya pihak swasta menaikkan harga padi tetapi sebelum daripada adanya L.P.N. pihak swasta membeli \$5; \$8 sepikul padi di Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Hari ini saya rasa, naik bodoh oleh kerana pihak Pembangkang menyatakan adalah cukup benci dengan pihak swasta ini, tetapi hari ini saya nampak mereka menjadi champion bagi pihak swasta mengatakan pihak swasta boleh beli lebih tinggi lagi padi ini dengan harga \$25-\$30 sepikul . . . . .

**Datuk James Wong Kim Min:** Yang Berhormat itu membuat speech atau soalan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tanggungjawab saya (Ketawa).

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap berkenaan dengan kayu-kayan. Ini berkenaan dengan beras dan padi.

Saya hendak tahu, adakah Kerajaan akan menengokkan supaya jangan pihak swasta yang sedemikian akan menjahanamkan cadangan Kerajaan ataupun tujuan Kerajaan untuk membina kilang-kilang untuk rakyat pada hari ini dan masa yang akan datang, adakah Kerajaan akan mempertahankan atas perkara ini?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham (Ketawa).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta ulang sekali lagi soalan itu, tidak usah panjang-panjang.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Adakah Kerajaan akan mempertahankan kilang-kilang padi di Tanjong Karang yang dipunyai oleh L.P.N. supaya jangan pihak swasta akan menjahanamkan kerana dinaikkan harga padi nanti?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, L.P.N. ada tugasnya bagaimana yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan bagi menjalankan tugas-tugas itu langkah-langkah seperti mengadakan kilang jika perlu akan dijalankan, dan jika perlu dipertahankan, akan dipertahankan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkenaan dengan masalah tidak cukup beras. Kita sama-sama tahu orang bukan bumiputra adalah rajin dan boleh menanam padi. Apakah langkah Kerajaan hendak ambil untuk memberi tanah kepada orang bukan bumiputra untuk menanam padi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah jawab, masa sudah cukup!

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 3 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

### KENAIKAN HARGA BERAS

3. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) mengapa harga beras telah melambung tinggi dalam bulan September yang lalu walaupun Menteri-menteri memberi jaminan kepada orang ramai sejak bulan April 1973 bahawa harga beras akan turun sebaik-baik sahaja musim menuai pada kali yang kedua dimulakan dan bekalan beras dari luar tiba;
- (ii) samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat mengapa Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) telah gagal menetapkan supaya orang ramai dapat membeli beras dengan harga yang ditetapkan oleh L.P.N.; dan
- (iii) samada Kerajaan bercadang melanjutkan lagi dasarnya untuk pengeluaran beras sebanyak 90% sahaja daripada keperluan negara.

**Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):**

- (i) Tentang kenaikan harga beras dalam bulan September telah saya jawab dengan memberikan sebab-sebabnya.
- (ii) Kerajaan tidak menetapkan harga beras dalam artikata kawalan harga. Apa yang telah timbul ialah pada awal musim menuai bulan Julai yang lepas, Kerajaan telah menaikkan harga pembelian padi oleh L.P.N. daripada \$16 sepikul bagi padi yang kering, dan bersih kepada harga antara \$19 dengan \$23 sepikul bergantung atas jenis-jenis dan keadaan padinya. Berdasarkan harga padi yang telah naik itu, harga beras tempatan sepatutnya dijual di peringkat runcit dengan harga di antara \$2.20 dengan \$2.60 segantang. Harga ini adalah sebagai panduan dan dianggarkan boleh memberi keuntungan yang berpatutan kepada pengilang-pengilang, pemborong-pemborong beras dan peniaga-peniaga runcit. Apa yang telah berlaku, di peringkat peniaga-peniaga tadi, mereka telah mengambil peluang menaikkan harga beras untuk mencari keuntungan yang berlebihan, mengambil kesempatan dari keadaan yang timbul itu tanpa menimbang kepentingan orang ramai. Cara-cara mereka menimbulkan ke-

kurangan yang dibuat-buat itu telahpun saya terangkan. Bagaimanapun, dengan tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan, harga beras adalah menjadi lebih stabil dan jauh lebih rendah dibandingkan dengan harga di mana-mana negara jiran ataupun dalam pasaran dunia. Oleh itu, Kerajaan mendapati tidak ada sebabnya untuk menubuhkan apa-apa Suruhanjaya yang dimaksudkan itu.

- (iii) Dasar Kerajaan ialah mengeluarkan beras yang cukup bagi kehendak negara sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Dasar ini ialah untuk mengeluarkan 100% beras tempatan.

### PENGELUARAN BERAS

4. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah banyaknya beras dikeluarkan dalam negeri tahun ini, jumlah banyaknya yang diimpot ke dalam negeri, banyak wang yang dibayar sejauh ini untuk subsidi mengimpot beras, dan banyaknya beras tempatan untuk keperluan negara yang dikelolakan melalui Lembaga Padi dan Beras Negara; dan
- (b) Samada telah ada kekurangan dalam pengeluaran beras tempatan tahun ini, dan jika tidak, apakah sebab-sebab kesukaran bagi mendapatkan beras tempatan dan juga sebab-sebab naiknya harga beras tempatan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

- (a) Pengeluaran beras di Semenanjung Malaysia pada tahun 1973 adalah dianggarkan sebanyak 1,090,000 tan. Angka pengeluaran bagi negeri Sabah dan Sarawak belum lagi diketahui. Jumlah beras yang diimpot ke Semenanjung Malaysia sehingga akhir bulan Oktober dalam tahun ini adalah sebanyak 125,292 tan. Perangkaan impot oleh Sabah dan Sarawak pada masa yang sama belum lagi didapati. Sehingga akhir bulan Oktober 1973, jumlah subsidi atas beras yang diimpot ialah \$5.6 juta. Beras tempatan yang dikelolakan oleh dan melalui Lembaga

Padi dan Beras Negara untuk keperluan negara daripada bulan Januari sehingga akhir bulan Oktober 1973 berjumlah sebanyak 45,443 tan.

- (b) Berpandu kepada dasar Kerajaan untuk mengeluarkan 90% beras tempatan untuk keperluan negara bagi tahun ini, adalah dianggarkan tidak terdapat sebarang kekurangan dalam pengeluaran beras tersebut. Kesukaran bagi mendapatkan beras tempatan dan kenaikan harga adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Di antara yang pentingnya ialah:

- (i) *Permainan pengilang-pengilang dan orang-orang tengah.*

Setengah daripada pengilang-pengilang pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit beras telah mengambil kesempatan untuk menyembunyikan (hoarding) beras-beras tempatan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan. Mereka telah memikirkan bahawa harga beras di Malaysia tentu akan naik oleh kerana harga beras di luar negeri telah melambung tinggi dan juga beras di pasaran dunia adalah sukar didapati walaupun dengan harga yang tinggi.

- (ii) *Penjualan beras tempatan sebagai beras impot*

Oleh kerana kenaikan harga-harga beras impot, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit beras tempatan telah mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan dengan menjual beras-beras tempatan sebagai beras-beras impot.

Kesempatan ini telah diambil oleh separuh-separuh peniaga kerana kesukaran mengenali dan menentukan di antara beras tempatan dengan beras impot.

- (iii) *Kenaikan-kenaikan harga padi tempatan*

Di musim yang lepas, harga padi tempatan telah naik berikutan dengan kenaikan harga beras, iaitu ke peringkat yang lebih berpatutan sebanyak \$19—\$23

sepikul daripada harga biasa sebanyak \$16 bagi padi yang kering dan bersih. Pihak-pihak pengilang swasta juga membeli padi dengan harga yang lebih tinggi daripada harga-harga baharu ini.

## PERKHIDMATAN NEGARA— LAPURAN

**5. Tuan Hor Cheok Foon** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa laporan Jawatankuasa Khas mengenai Perkhidmatan Negara tidak dikeluarkan.

**Perdana Menteri:** Laporan Jawatankuasa Khas mengenai Perkhidmatan Negara baru sahaja siap dan sedang dikaji oleh Kerajaan.

## GUAMAN SIVIL

**6. Tuan Su Liang Yu** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan kes-kes sivil yang belum diselesaikan tetapi masih menunggu pembicaraan selama 5 hingga 7 tahun atau lebih dan jika ya, samada beliau akan menimbang menubuhkan satu Mahkamah asing yang akan bertanggung-jawab atas kes-kes sivil memandangkan kepada lamanya masa kes-kes ini hendak diputuskan dan kematian-kematian yang berlaku kepada orang-orang yang dituduh serta Pendakwa semasa kes-kes itu ditetapkan untuk pendengaran dan juga kesusahan yang sering dihadapi oleh orang ramai dan Mahkamah dengan sebab kelambatan tersebut.

**Perdana Menteri:** Tidaklah benar pada amnya mengatakan Mahkamah mengambil masa selama 5 hingga 7 tahun untuk menyelesaikan guaman-guaman sivil walaupun ada juga beberapa kes yang mengambil masa selama itu untuk menyelesaikannya. Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah semata-mata disebabkan oleh Mahkamah terlampau sibuk dengan urusannya tetapi mungkin kesalahan itu letaknya pada Peguamcara-peguamcara yang berkenaan, iaitu mereka lewat meminta Mahkamah menetapkan tarikh-tarikh membicarakan kes-kes mereka itu. Dan juga mengikut undang-undang apabila pihak menuntut atau pihak-kena tuntutan mati, guaman itu hanya boleh diuruskan selepas Surat-surat Mentadbir Pesaka telah diperolih atas harta pesaka

pihak simati itu. Ini bermakna akan melewatkan masa selama lebih kurang satu tahun.

Walau bagaimanapun, Hakim Besar sentiasa mengawasi perkara kelewatan menyelesaikan guaman-guaman sivil. Satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan melantik banyak lagi Hakim-hakim, tetapi sebelum seseorang Hakim tambahan dilantik ia memerlukan sebuah bilik Mahkamah dan Jurubahasa-jurubahasa serta pegawai-pegawai yang terlatih. Bagaimanapun, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Adalah difikirkan cara menyelesaikan masalah itu bukanlah dengan menubuhkan suatu Mahkamah berasingan yang bertanggungjawab berkenaan dengan kes-kes sivil.

### KENAIKAN HARGA BERAS

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menerangkan:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah bertambah-tambah mahalannya harga beras di seluruh negara dan untuk menentukan bahawa kekurangan beras tidak berlaku di kampung-kampung; dan
- (b) samada L.P.N. dibenarkan memperniagakan 100% perniagaan beras atau hanya sekadar diberi kuasa atas kawalannya semata-mata. Sehingga ini berapa banyak L.P.N. mendapat keuntungan dalam perniagaan ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

- (a) Kenaikan harga beras yang disebabkan oleh kekurangan yang dibuat-buat atau "artificial shortage" telah dan sedang diatasi oleh Kerajaan. Di antara langkah-langkahnya ialah:
  - (i) mengawal pengilangan beras dan penjualannya di peringkat borong dan runcit;
  - (ii) mengawal pemindahan beras dari satu negeri ke satu negeri supaya penyeludupan keluar tidak berlaku;
  - (iii) mengimpot beras dengan teratur di sepanjang tahun 1973 dan awal tahun hadapan bagi menambah bekalan beras tempatan; dan

- (iv) mengadakan subsidi di atas beras yang diimpot. Langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kekurangan beras tidak berlaku di kampung-kampung ialah:

- (i) m e n a m b a h k a n saloran-saloran bagi perniagaan beras melalui semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (S.E.D.C.);
  - (ii) membekalkan beras dengan lebih banyak lagi kepada Syarikat-syarikat Kerjasama, Persatuan-persatuan Peladang, Senama (MARA) dan Pernas Trading;
  - (iii) mengeluarkan bekalan beras yang mencukupi daripada Stockpile kepada peniaga-peniaga beras di kampung-kampung.
- (b) L.P.N. adalah ditubuhkan khusus untuk tujuan memastikan kesetabilan harga-harga padi untuk rakyat petani, harga beras untuk pengguna-pengguna dan untuk memenuhi sebarang keperluan dzarurat. Tugas-tugas L.P.N. seperti yang terkandung dalam Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 adalah seperti berikut:
- (i) memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani;
  - (ii) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;
  - (iii) memastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan; dan
  - (iv) membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, dan jika diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan dan membantu pada melaksanakannya.

Selain daripada kuasa kawalan, Aktanya membolehkan L.P.N. mengurus perjalanan beras sebagai salah satu jalan untuk mencapai tujuannya itu. Soal mencari untung tidak timbul kepada L.P.N.

## PENYELUDUPAN BERAS— MENCEGAH

8. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha mencegah penyeludupan beras dan nyatakan sebab-sebabnya Kerajaan menganggap tidak perlu dimilik-negarakan urusan pembahagian beras.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan tidak boleh diukur atau di "quantify"kan. Apa yang ternyata ialah dengan tindakan keras mencegah penyeludupan, bekalan beras adalah lebih banyak di kedai-kedai. Ini ialah kerana beras yang selama itu telah disimpan beku (hoarding) untuk diseludupkan keluar, atau menunggu harga naik, telah mula dikeluarkan dari simpanan. Tindakan Kerajaan yang tegas telah dapat mengatasi masalah kekurangan yang dibuat-buat atau "artificial shortage" itu. Ianya juga menyebabkan harga beras semakin stabil.

Soal memilik negarakan pembahagian beras adalah dalam kajian.

## PENGISYTIHARAN POLITIK ALGIERS

9. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan negara-negara berkecuali yang bersidang di Algeria tempoh hari berhubung dengan seruan beliau supaya negara-negara tersebut mengkaji semula peranan-peranan mereka dalam keadaan yang berubah dalam dunia sekarang ini supaya dapat memainkan peranan yang lebih positif dalam usaha mencari keamanan dan keadilan antarabangsa, dan menyatakan sikap Kerajaan kita terhadap pencerobohan Israel ke atas bumi Arab yang sedang berlaku pada masa ini.

### Perdana Menteri:

(a) Berthabit dengan ucapan saya di Algeria mengenai perlunya Negara-

negara Berkecuali untuk mengkaji semula peranan mereka, sukacita dinyatakan bahawa di dalam Pengisytharaan Politik Algiers, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Negara-negara Berkecuali, telah memutuskan untuk memperkuatkan lagi tindakan dan menyelaraskan usaha-usaha mereka supaya dapat menjamin dasar perkecualian itu berjalan terus dan memberi kesan yang sepenuhnya. Mereka bersetuju juga bahawa Negara-negara Berkecuali mestilah meneruskan kerjasama mereka dengan tujuan hendak membawa perubahan di dalam perhubungan antarabangsa ke arah persamaan negara dan untuk menentukan bahawa semua keputusan yang melibatkan negara-negara besar dan kecil tidak dibuat tanpa penyertaan mereka sepenuhnya atas dasar persamaan. Adalah dipersetujui juga, bahawa kerjasama di antara mereka akan memberikan satu kekuatan baru kepada perpaduan negara-negara Berkecuali dan akan membolehkan Gerakan Negara-negara Berkecuali memainkan peranan yang membina di dalam penyelesaian masalah-masalah antarabangsa yang besar.

(b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam kenyataan saya pada 9hb Oktober, 1973, saya telah menerangkan bahawa sebab utama peperangan di Asia Barat adalah pendudukan secara haram tanah Arab oleh Israel dan dasarnya yang terus menghalang segala usaha perdamaian, bersesuaian dengan dengan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu.

Simpati dan sokongan kita adalah terhadap orang-orang Arab yang berusaha untuk mendapatkan semula kawasan-kawasan mereka yang ditakluk itu.

Malaysia juga percaya bahawa semua negara-negara di dunia ini mestilah mendesak Israel supaya mematuhi resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Asia Barat serta prinsip Bangsa-bangsa Bersatu mengenai penaklukan kawasan-kawasan tanah secara kekarasan, menghormati kedaulatan dan keutuhan Negara-negara dan hak menentukan nasib mereka sendiri oleh satu-satu bangsa (the right of self-determination).

### HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

**10. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menahan harga barang-barang keperluan dari melambung naik lagi dan mengapa langkah-langkah itu telah gagal.

**Perdana Menteri:** Soalan ini adalah serupa seperti soalan No. 1 yang telahpun saya jawab.

### PENYIMPAN BEKU (HOARDERS)/ PROFITEERS/PENJUAL BARANG TIRUAN

**11. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan penyimpan-penyimpan beku, orang-orang yang mendapat keuntungan berlebihan dan penjual barang-barang tiruan yang telah ditangkap oleh pegawai-pegawai Kerajaan dalam tahun 1973:

- (a) bilangan orang-orang seperti itu yang telah didakwa di Mahkamah; dan
- (b) bilangan orang-orang seperti itu yang telah disabitkan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Semenjak bulan Januari, 1973 hingga 22hb November, 1973, Kementerian saya telah mengambil

tindakan terhadap 294 orang yang terlibat sebagai penyimpan-penyimpan beku (hoarders), orang-orang yang mendapat keuntungan berlebihan (profiteers) dan penjual-penjual barang-barang tiruan.

- (a) Bilangan orang yang telah didakwa (charged) di Mahkamah ialah 246.
- (b) Bilangan orang yang telah disabitkan ialah 137. Orang-orang yang sedang menanti pendakwaan di Mahkamah ialah 109.

### PENYELUDUP-PENYELUDUP BERAS

**12. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) bilangan penyeludup-penyeludup beras yang telah ditangkap di antara 1hb Jun, 1969 hingga 31hb Disember, 1972 dan bilangan yang sabit kesalahan;
- (ii) bilangan penyeludup beras yang telah ditangkap di antara 1hb Januari hingga 15hb November, 1973 dan bilangan yang sabit kesalahan; dan
- (iii) berapa tan beras yang telah dirampas berikutan dengan tangkapan yang dibuat ke atas penyeludup-penyeludup beras dalam jangka masa yang dinyatakan dalam (i) dan (ii) di atas.

### Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (i) Di antara 1hb Jun, 1969 hingga 31hb Disember, 1972 seramai 44 orang penyeludup beras telah ditangkap oleh Jabatan Kastam. Daripada jumlah ini seramai 24 orang telah disabitkan. Jumlah beras yang telah dirampas ialah sebanyak 94.81 tan.
- (ii) Di antara Januari hingga 15hb November, 1973 seramai 16 orang penyeludup beras telah ditangkap dan seorang disabitkan. Jumlah beras yang telah dirampas ialah sebanyak 83.52 tan.

### RANG UNDANG-UNDANG DIKEMUKAKAN DI PARLIMEN

13. **Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Peguam Negara menyatakan jumlah Rang Undang-undang yang telah dikemukakan ke dalam Parlimen tiap-tiap tahun sejak pilihanraya tahun 1959 hingga sekarang dan daripada jumlahnya berapa Rang Undang-undang yang diluluskan dan berapa pula yang ditolak.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Semenjak Parlimen tertubuh, tidak ada Rang Undang-undang yang ditolak oleh Parlimen, sungguhpun ada sedikit bilangan Rang Undang-undang yang ditarik balik atau terluput (lapsed). Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam sesuatu tahun tidak semistinya dilulus dalam tahun itu juga. Angkanya yang dikehendaki adalah seperti berikut:

	1959	1960	1961	1962	1963	1964	1965		
(1) Rang Undang-undang yang dikemukakan ...	14	50	54	41	43	37	101		
(2) yang dilulus ...	14	38	50	38	36	35	93		
(3) yang ditarik balik atau terluput ...	—	4	4	—	1	1	5		
	1966	1967	1968	1969	1970	1971	1972	1973	(22-11-73)
(1) Rang Undang-undang yang dikemukakan ...	56	85	45	37	—	112	101	43	
(2) yang dilulus ...	76	82	41	39	—	93	82	73	
(3) yang ditarik balik atau terluput ...	1	—	2	—	—	—	2	2	

### MESYUARAT PERSEKUTUAN SUKAN ASIA DI BANGKOK

14. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada tindakan rombongan Malaysia meninggalkan Mesyuarat Persekutuan Sukan Asia di Bangkok dalam bulan September 1973 atas soal penyertaan Republik Rakyat Cina dan perlucutan Taiwan, telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan terlebih dahulu; dan jika ya, samada beliau sedar bahawa tindakan seperti itu telah merosakkan imej Malaysia di kalangan negara-negara yang tidak berpihak.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):** Tidak perlu diperolehi kebenaran Kerajaan sebelum keputusan diambil bagi wakill Majlis Olimpik Malaysia meninggalkan mesyuarat tersebut, oleh kerana rombongan ini bukanlah rombongan dari Kerajaan Malaysia.

Keluarnya rombongan ini bukanlah kerana cadangan penyertaan Republik Rakyat Cina dan perlucutan Taiwan, tetapi oleh kerana rombongan wakil Majlis Olimpik Malaysia berpendapat bahawa perkara perlucutan sesuatu badan yang masih menjadi ahli di dalam Persekutuan Sukan Asia (Asian Games Federation) hanya di bawah Perlembagaannya boleh dipertimbangkan oleh badan yang terbesar iaitu, Majlis Persatuan Sukan Asia (The Asian Games Federation Council) dan bukan Jawatankuasa Kerjanya yang bersidang di Bangkok. Dengan kata-kata lain, tindakan keluar itu adalah kerana perkara "procedure" sahaja. Malaysia adalah berpendirian "Satu Negeri Cina Sahaja" iaitu Republik Rakyat Cina dan oleh itu menyokong Republik tersebut menjadi ahli Persekutuan Sukan Asia.

## BANTUAN KEPADA NELAYAN-NELAYAN

**15. Tuan Tai Kuan Yang** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau bersedia untuk membantu nelayan-nelayan di seluruh negara memproses tangkapan mereka termasuk ikan-ikan yang rendah mutunya, membolehkan mereka mempunyai alat-alat menangkap ikan dan juga menyediakan pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan memasar.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Kerajaan mempunyai polisi untuk memberi bantuan kepada nelayan-nelayan demi memperbaiki keadaan ekonomi dan sosialnya. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan bagi bantuan kepada nelayan-nelayan itu terhad pilihan bagi rancangan bantuan terpaksa dibuat dengan diasaskan kepada keutamaan. Dalam keadaan yang demikian sukarlah hendak memberi bantuan kepada nelayan-nelayan yang berasaskan kepada kepentingan perseorangan. Dasar telah dibuat untuk menyalurkan bantuan-bantuan Kerajaan itu melalui Pertubuhan Nelayan seumpama Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama.

Walaupun bagaimanapun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah ditubuhkan untuk tujuan menolong nelayan-nelayan dengan cara mengadakan projek-projek yang ekonomik di mana nelayan-nelayan dapat menyertainya menerusi pertubuhan-pertubuhan. Rancangan-rancangan MAJUIKAN itu termasuklah usaha penangkapan ikan di tempat-tempat yang dipilih di mana samada Lembaga itu membuat bot-bot penangkapan ikan sendiri ataupun menyewa bot-bot itu dengan mengambil pekerja-pekerja dari antara ahli-ahli pertubuhan nelayan yang dipilih, menubuhkan kilang-kilang airbatu, kilang-kilang memproses ikan dan udang serta juga serbuk baja ikan.

MAJUIKAN juga telah melancarkan rancangan kawalan pemasaran ikan. Semua rancangan-rancangan ini bertujuan memperbaiki perusahaan perikanan dan memberi bantuan kepada nelayan-nelayan.

Sejak tahun 1972 satu rancangan subsidi tambahan telah diadakan oleh Bahagian Perikanan di mana setengah-setengah nelayan diberi injin serta alat-alat menangkap ikan

dengan percuma. Bantuan-bantuan serupa ini akan diteruskan selagi dirasai yang nelayan-nelayan kita memerlukan bantuan tersebut.

## RUMAH HARGA MURAH

**16. Tuan Tai Kuan Yang** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada Kerajaan Pusat bercadang untuk mengadakan rumah-rumah harga murah kepada orang-orang yang di dalam golongan berpendapatan rendah yang bekerja di perusahaan dan pertanian.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):** Ya. Kementerian ini atas permintaan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengeluarkan wang pinjaman untuk menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerja kilang dalam setengah kawasan perindustrian. Rumah-rumah murah yang dibina oleh pihak awam di beberapa buah negeri memberi peluang kepada pekerja-pekerja berpendapatan rendah membeli rumah murah, sungguhpun peruntukan khas tidak disebut. Akan tetapi untuk menyediakan lebih banyak lagi rumah bagi pekerja-pekerja kilang dalam kawasan perusahaan, maka kementerian ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan lain-lain jabatan mengenai soal perumahan bagi pekerja-pekerja perusahaan. Lebih banyak lagi data dan penerangan mestilah dikutip untuk memberi "perspective" kepada masalah perumahan yang kita tempuh dalam usaha kita menggalakkan perusahaan bertempat di luar bandar. Penubuhan sebuah Jabatan Perumahan Kebangsaan tentu sekali akan dapat menolong kita menentukan garisan pembangunan pada masa akan datang, selepas kita dapat kemudahan-kemudahan menjalankan penyelidikan, dan kakitangan yang lebih banyak untuk menyemak kemajuan perumahan dan memberi panduan kepada Badan Perumahan Negeri dan dari pihak swasta.

Mengenai perumahan pekerja-pekerja pertanian pula, mereka yang dalam golongan berpendapatan rendah adalah layak mendapat rumah-rumah murah yang dibina di luar bandar dan separa bandar. Pihak Felda ada menyediakan rumah-rumah untuk pen-roka-penerokanya dalam Rancangan Pembangunan Tanahnya.

Di kalangan swasta, terutama sekali di ladang-ladang dan lombong-lombong besar, kemudahan perumahan memanglah ada disediakan. Tetapi Kerajaan dan pihak majikan dari ladang-ladang dan lombong-lombong ini sedang berunding untuk mencari-cara meninggikan taraf perumahan yang sudah merosot dan menyediakan kemudahan di tempat baru yang belum mempunyai kemudahan, seperti di ladang-ladang tebu.

### PERADUAN RATU CANTIK

**17. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengharamkan Peraduan Ratu Cantik di negeri ini memandangkan bahawa ia boleh merendahkan maruah kaum wanita pada amnya.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Peraduan Ratu Cantik adalah perkara yang tertakluk di bawah bidang kuasa undang-undang Kerajaan Negeri. Dengan demikian soal pengharaman Peraduan Ratu Cantik amnya terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh juga campur tangan untuk mengharamkan satu-satu Peraduan Ratu Cantik sekiranya Peraduan yang berkenaan itu mungkin menimbulkan suasana yang mengancam ketenteraman awam.

### PERUNTUKAN KEPADA L.P.N.

**18. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang tiap-tiap tahun yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada L.P.N. untuk membeli padi semasa musim menuai dua kali di Kedah dan adakah jumlah wang itu cukup untuk membeli padi yang dikeluarkan di Negeri itu.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Jumlah Peruntukan kepada L.P.N. untuk membeli padi di Kedah/Perlis ialah \$7.3 juta. Peruntukan ini cukup buat pengeluaran masa ini.

### RANCANGAN TANAMAN

**19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Perdana Menteri menerangkan samada Kerajaan sedar tentang setengah-setengah Badan-badan Kemajuan Negeri-negeri dan Lembaga-lembaga lain selalunya bersamaan dalam membuat rancangan tanaman seperti penanaman kelapa sawit. Tidakkah Kerajaan mengadakan penyeselarasan antara badan-badan tersebut, berdasarkan kajian yang dibuat oleh pihak MARDI atau Bahagian Teknik Makanan.

**Perdana Menteri:** Kerajaan Persekutuan adalah sentiasa sedar mengenai aktibiti-aktibiti semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Aktibiti-aktibiti Perbadanan-perbadanan ini adalah diselarasakan oleh Majlis Tindakan Negara dan Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran. Di samping itu satu Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan untuk menyelaras aktibiti-aktibiti dan projek-projek semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran dan ahli-ahlinya termasuk wakil-wakil daripada Bahagian Perancang Ekonomi, Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan juga daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Satu lagi Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan baru-baru ini untuk menyelaraskan aktibiti-aktibiti semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Wilayah. Nasihat-nasihat daripada Badan-badan Penyelidikan Kerajaan adalah diperolehi bagi projek-projek Perbadanan tersebut apabila difikirkan perlu.

Selain daripada Perbadanan-perbadanan tersebut, aktibiti-aktibiti Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri yang lain adalah diselarasakan oleh Kerajaan Negeri-negeri sendiri.

### TEKSI KEPADA BEKAS PERAJURIT

**20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menimbang memberi quota bagi memiliki permit-permit dan lesen-lesen teksis dan lain-lain kenderaan kepada bekas

perajurit sebagaimana yang dilakukan oleh FELDA untuk bekas-bekas perajurit yang menyertai rancangan-rancangan tanah.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Permohonan teksi daripada bekas-bekas perajurit akan diberi keutamaan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan apabila menimbang permohonan-permohonan lesen teksi dan tidaklah perlu mengada qota bagi bekas-bekas perajurit di dalam soal ini.

### RAKYAT MALAYSIA JADI WARGANEGARA BRITISH

**21. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang menjadi warganegara British di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia pada masa ini;
- (b) samada mereka menikmati hak yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain atau mereka dianggap sebagai orang asing; dan
- (c) berapa ramaikah dari mereka ini yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia dan samada mereka menumpahkan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada negara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Bilangannya tidak dapat dinyatakan kerana tidak ada rekod atau statistik disimpan berkenaan dengan orang-orang ini;
- (b) Mereka ini yang bukan lagi menjadi warganegara Malaysia tidaklah boleh menikmati hak yang sama seperti warganegara Malaysia;
- (c) Saya tidak dapat menyatakan bilangan mereka ini yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia oleh sebab permohonan-permohonan yang diterima adalah tidak diasingkan mengikut taraf kewarganegaraan mereka yang asal.

Bagi menjawab bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, tiap-tiap orang yang permohonannya telah diluluskan untuk menjadi warganegara adalah diwajibkan di antara lain-lain mengangkat sumpah mengaku me-

numpahkan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada negara ini.

### WANG MALAYSIA TIDAK DITERIMA DI TAIWAN

**22. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa Wang Malaysia tidak diterima di Taiwan, sedangkan wang Singapura boleh dipertukarkan dengan kadar \$16.20 bagi \$1;
- (b) samada layanan beza-membeza seperti itu oleh lingkungan Bank dan Perniagaan di Taiwan menunjukkan sikap berseteru malahan menghina negara kita; dan
- (c) jika benar, adakah Kerajaan akan menimbang untuk menjalankan tindakan balas terhadap Taiwan kerana sikap yang tersebut.

**Tun Tan Siew Sin:**

- (a) Ya, kita telah diberitahu oleh Pejabat Konsul di Taiwan yang kadar pertukaran ringgit Malaysia telah tidak lagi disebutkan di Bank-bank di Taiwan;
- (b) Bank-bank di Taiwan, seperti juga bank-bank di Malaysia dan lain-lain negeri, berhak memberikan kadar pertukaran untuk apa-apa matawang, selagi ini mematuhi peraturan pertukaran wang asing yang ada di sana. Tidak adanya sebutan pertukaran wang bagi mata wang kita di Taiwan adalah perkara yang tidak berapa penting bagi kita, dan dengan itu saya cadangkan yang kita tidak membesar-besarkan perkara ini;
- (c) Tindakan balas tidak dikehendaki oleh kerana, seperti Ahli Yang Berhormat boleh jadi tahu, bank-bank di Malaysia tidak memberi kadar pertukaran bagi mata wang Taiwan.

### HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

**23. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, oleh kerana kedua-kedua Perdana Menteri dan Allah Yarham Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan pada satu masa awal tahun ini bahawa

perundingan akan dijalankan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, sejauh manakah perundingan telah dijalankan dan adakah kemungkinan kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Cina mencapai suatu keputusan sebelum akhir tahun ini.

**Perdana Menteri:** Perundingan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Cina masih dijalankan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kandungan rundingan itu adalah sulit dan saya tidaklah dapat memberitahu butir-butirnya. Apa yang saya dapat menyatakan pada peringkat ini ialah kemajuan setakat ini adalah menggalakkan, dan adalah menjadi harapan saya yang kita akan dapat mencapai persetujuan dalam soal penubuhan perhubungan diplomatik tidak berapa lama lagi.

### PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan Penolong Pegawai Pendaftaran di tiap-tiap negeri di Malaysia Barat yang telah dilantik dalam gerakan penyemakan daftar-daftar pemilih dan pendaftaran pengundi 1973/1974 yang bermula pada 15hb Oktober hingga 1hb November, 1973;
- (b) purata pengundi bagi tiap-tiap Penolong Pegawai Pendaftaran yang bertugas;
- (c) jumlah wang yang akan terlibat dalam gerakan penyemakan daftar pemilih dan pendaftaran pengundi 1973/1974; dan
- (d) samada saguhati yang akan dibayar kepada tiap-tiap seorang Penolong Pegawai Pendaftaran itu sama jumlahnya.

### Perdana Menteri:

(a) Bilangan Penolong Pegawai Pendaftaran di tiap-tiap Negeri di Malaysia Barat bagi tahun 1972 dan tahun 1973 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun	
	1972	1973
Perlis	62	66
Kedah	422	463
Kelantan	417	429
Trengganu	270	269
Pulau Pinang	248	320
Perak	693	684
Pahang	180	242
Selangor	613	615
Negri Sembilan	214	204
Melaka	190	196
Johor	588	623

- (b) 1,000 pemilih bagi tiap-tiap Penolong Pegawai Pendaftaran yang bertugas. Tugas Penolong Pegawai Pendaftaran ialah untuk menyemak dan menentukan bahawa mereka yang mendaftar masih berada.
- (c) \$1,118,400 dan ini termasuk belanja mengurus.
- (d) Mengikut bilangan pemilih yang terdaftar bagi kawasannya dan mengikut di mana letaknya kawasan itu, samada di bandar atau di luar bandar.

### PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN

25. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan samada masa memulakan Pertandingan Membaca Al-Quran di semua peringkat boleh ditundakan kepada jam 9.30 malam supaya memberi masa yang cukup kepada peserta-peserta terawikh di setiap masjid untuk mengerjakannya dengan tenang hati.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Pertandingan Membaca Al-Quran di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antarabangsa dijalankan hanya selama 5 malam iaitu 2 malam untuk Peringkat Kebangsaan dan 3 malam untuk Peringkat Antarabangsa. Jumlah-jumlah peserta Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa adalah sangat ramai dan sekiranya pertandingan

dimulakan pada jam 9.30 malam, pertandingan pada tiap-tiap malam akan hanya selesai pada jam 2 atau 3 pagi. Oleh yang demikian, masa memulakan Pertandingan Membaca Al-Quran yang ditetapkan selama ini tidaklah dapat ditundakan kepada jam 9.30 malam.

### BIRO SIASATAN NEGARA

**26. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai sejak tertubuhnya Biro Siasatan Negara khususnya dalam usaha untuk mengatasi masalah kecurian motokar di Kelantan.

**Perdana Menteri:** Kerja-kerja untuk mengatasi masalah kecurian khususnya berkenaan dengan kecurian motokar di Kelantan bukanlah satu tugas yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara. Kerja-kerja tersebut adalah di bawah tugas Jabatan Polis.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah kecurian motokar di Kelantan pihak Polis telah berjaya mematahkan beberapa sendikit yang terlibat di dalam kegiatan itu dan beberapa orang ketua-ketua sendikit tersebut dikenakan tindakan sekatan kediaman. Sekatan-sekatan jalanraya telah ditambah dan pihak Polis adalah mengambil tindakan untuk memeriksa kereta-kereta dengan rapi. Langkah-langkah sedang diambil juga bagi mengawasi kawasan-kawasan yang tertentu yang bersempadan dengan Thailand yang mana digunakan sebagai pengkalan bagi menyeludup kenderaan-kenderaan. Di samping itu tindakan sedang diambil bagi mendapatkan kerjasama pihak Polis dan Kastam Thai dalam usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini.

### BERAS YANG DIRAMPAS OLEH L.P.N./POLIS/KASTAM

**27. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah beras yang dirampas tahun ini oleh kerana perbuatan menyeludup, menyorok atau sebab-sebab lain dan beri butir bagi tiap-tiap satu; dan
- (b) bilangan orang-orang salah yang telah ditangkap, jenis hukuman yang dikenakan dan jumlah denda-denda yang dikutip.

### Datuk Hussein bin Datuk Onn.

(a) Jumlah beras yang dirampas oleh L.P.N., Polis dan Kastam sehingga 15hb November tahun ini ialah sebanyak 7,404.96 pikul. Butir-butir rampasan adalah seperti berikut:

(i) kerana perbuatan penyeludupan keluar negeri di Tambak Johor dan di Selat Melaka ... ..	3,647.83 pikul
(ii) kerana memiliki beras dengan tujuan berniaga tanpa lesen ... ..	2,198.35 pikul
(iii) kerana menyimpan beras dalam premis tanpa lesen ... ..	818.97 pikul
(iv) kerana gagal melekatkan tanda harga ... ..	33.15 pikul
(v) kerana melanggar syarat-syarat lesen mengilang beras ... ..	65.30 pikul
(vi) kerana membawa beras tanpa permit pemindahan antara negeri ... ..	610.76 pikul
(vii) kerana menyimpan beku (hoarding) beras ... ..	30.60 pikul

(b) Bilangan ditangkap ialah 73 orang. Sehingga hari ini seramai 10 orang telah didapati salah oleh Mahkamah dan mereka telah didenda wang kecuai 5 orang di mana mereka telah dikenakan denda wang dan juga hukuman penjara selama 3 bulan bagi tiap-tiap seorang.

Jumlah wang denda yang dikutip daripada orang-orang yang didapati salah ialah sebanyak \$61,100.

### BERAS—KEPERLUAN MALAYSIA

**28. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah beras yang Malaysia perlukan pada tahun ini;
- (b) jumlah beras tempatan yang dijangka dihasilkan; dan
- (c) jumlah beras yang telah diimport.

### Datuk Hussein bin Datuk Onn.

(a) Pada tahun ini jumlah beras yang diperlukan oleh Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 1,439,000 tan. Daripadanya, sebanyak 1,184,000 tan diperlukan oleh Semenanjung Malaysia.

- (b) Pengeluaran hasil beras tempatan dalam tahun 1973 bagi Semenanjung Malaysia sahaja adalah dianggarkan sebanyak 1,090,000 tan beras. Angka pengeluaran bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak belum lagi diketahui.
- (c) Jumlah beras yang diimpot ke Semenanjung Malaysia sehingga akhir bulan Oktober dalam tahun ini adalah sebanyak 125,292 tan. Jumlah yang diimpot di Sabah dan Sarawak pada masa yang sama belum lagi diketahui.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PARLIMEN (SARAAN AHLI) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Parlimen (Saraan Ahli), 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN (KELAYAKAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan (Kelayakan

Badan Perundangan Negeri), 1962; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, 1954; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1974 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain-lain wang sebagaimana yang telah dibenar dikeluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1972 DAN 1973) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1972 dan 1973 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG GERENTI  
PINJAMAN LUAR NEGERI  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Gerenti Pinjaman Luar Negeri (Pertubuhan Perbadanan), 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM  
(PINDAAN) (No. 3)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI  
PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TISU MANUSIA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penggunaan badan-badan manusia yang mati bagi maksud-maksud *therapeutic* dan juga bagi maksud-maksud pelajaran dan penyelidikan perubatan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
(PERBADANAN) ST. JOHN AMBULAN  
MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia, 1972; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
(MEMPERBADANKAN) LEMBAGA  
PEMULIHAN DAN PENYATUAN  
TANAH NEGARA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LALULINTAS JALAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
BISHOP-BISHOP ROMAN CATHOLIC  
(TUKARAN NAMA DAN  
PERBADANAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bishop Roman Catholic (Perbadanan), 1952 untuk mengadakan peruntukan bagi menukar nama Bishop Titular Roman Catholic Kuala Lumpur dan untuk memperbadankan Bishop Titular Roman Catholic Melaka dan Johor dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG FILEM  
WAYANG GAMBAR (PENAPISAN)  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perikanan, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pertanian dan Perikanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG BENDA-BENDA RADIOAKTIF (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Benda-benda Radioaktif, 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

## **USUL**

### **MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA ATAS KEMATIAN ALLAH YARHAM Y.B. TUN DR ISMAIL DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN NORASHIKIN DAN KELUARGA**

4.04 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan usul:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Allah yarham Yang Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahmat dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Norashikin dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dewan ini bersidang pada kali yang lalu, Dewan ini telah kehilangan seorang Ahli yang terkemuka. Allah yarham Tun (Dr) Ismail mula-mula menjadi Ahli Dewan ini pada tahun 1953 sehinggalah sampai masa ia meninggal dunia iaitu pada bulan Ogos tahun ini.

Dalam masa 20 tahun Allah yarham telah menjadi Ahli Dewan ini jasa-jasa Allah yarham itu kepada Dewan ini adalah terang dan nyata dan ada tercatat di dalam rekod Dewan ini. Dalam masa 20 tahun itu juga Allah yarham telah memegang banyak jawatan-jawatan yang penting dalam Kerajaan.

Pada tahun 1953 Allah yarham telah memegang jawatan sebagai Member dalam pemerintahan British iaitu Member bagi Hasil Bumi (Natural Resources). Selepas Pilihanraya Umum yang pertama tahun 1955, Allah yarham telah dilantik menjadi Menteri Perniagaan dan Perusahaan (Commerce and Industry). Apabila Malaya, pada masa itu hendak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan hendak masuk menjadi Ahli Badan Bangsa-bangsa Bersatu, Allah yarham telah dihantar ke New York bagi mewakili Malaya ke Badan dunia itu. Allah yarham ialah wakil Malaya yang pertama ke Badan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pada awal tahun 1959 Allah yarham telah balik ke Malaya dan memegang jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Selepas Pilihanraya umum tahun 1959 Allah yarham telah diberi jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan memegang jawatan itu sehingga tahun 1967. Pada penghujung tahun 1967 Allah yarham telah bersara daripada Kerajaan oleh sebab keuzuran dan bersara selama dua tahun.

Pada bulan September 1970, oleh sebab semangat kebangsaan Allah yarham itu kuat dan keinginan dan keazamannya untuk meneruskan khidmatnya kepada bangsa dan Negara, Allah yarham telah masuk balik berkhidmat dalam Kerajaan yang saya pimpin pada masa itu sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kematian Allah yarham yang mengejut itu bukan sahaja kehilangan yang besar kepada Dewan ini bahkan kepada negara. Sebagai Ahli Dewan, Allah yarham sentiasa bersifat tegas mengeluarkan buah fikiran yang bernas dan berani. Sebagai seorang Menteri, beliau sentiasa juga mengeluarkan buah fikiran yang jujur dan berani, bahkan Allah yarham itu telah

menjalankan tugasnya dengan sungguh-sungguh dengan tidak menghiraukan kesihatannya sehinggalah kesihatannya pada saat yang akhir ini terganggu oleh sebab tanggungjawab-tanggungjawabnya yang berat itu. Oleh itu, jasa Allah yarham itu kepada negara tidak dapatlah dinilai dan nyatalah akan dicatit dengan tinta emas dalam sejarah negara kita ini.

Bagi diri saya kehilangan Allah yarham itu adalah bermakna kehilangan seorang rakan seperjuangan dan juga seorang sahabat yang karib. Bagi Kerajaan dan negara kematian Allah yarham itu ialah kehilangan seorang negarawan dan patriot yang sukar didapati balik.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kehilangan Allah yarham Tun (Dr) Ismail itu dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Norashikin dan juga kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan cadangan ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.09 ptg.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** (*Dengan izin*) I have had the good fortune to have known Tun Dr Ismail from 1955. At that time he was much younger and given to the rise of temper which was well-known. However, as the years passed by, he matured and with his entry into the United Nations he became a much more sober man who was not so easily roused. But whatever his rage of temper, he was always a very pleasant person and I had the distinctive good fortune of never having had to cross words with him; maybe it was an ability to communicate each with the other. He was a great man; a great man who worked with us—a statesman first, a leader and, finally, a politician.

I remember well when he fell ill and he had to leave the service of the Government. I went to his house for Hari Raya, then he said, "Come along Sam,"—as he would call me—"have a champagne. Since I am no more a Minister, I can afford it." So when he came back to the Government again, due to the call of duty in 1969, one could estimate

the extent of his financial sacrifice. But he was prepared to do it; he was prepared to do it because he felt the nation needed him.

So, Sir, this afternoon when we pass a Motion of Condolence to the family, the least I can say is, "He has left his foot-prints in the rock of history of this Nation." His foot-prints will be ever there and the service he has given to us will be the hallmark of the success, the greatness of a good man, and the fact that throughout he was one who subscribed to a multi-racial united nation that Malaysia was to be.

May God give his soul all the rest and may his family despite their heavy loss remember that they have had the good fortune to have been part of the family of a distinguished son of Malaysia, Tun Dr Ismail.

4.12 ptg.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bercakap sedikit sebanyak tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di samping ini saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak PEKEMAS saya pun hendak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allah yarham Tun Dr Ismail dan saya tidak mahu mengulangkan apa-apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

(*Dengan izin*) The first time I met Tun Dr Ismail was when he was not a Tun and when he was not a doctor. Both of us were students. I was a freshie way back in 1939 and when I went to what was then known as the F.M.S. Hostel, there was a pipe-smoking elderly student and I was, like all freshies then, afraid of all my seniors. Fortunately, the late Tun Dr Ismail did not take any part in having it out on us freshies in those days.

The next I heard of the late Tun Dr Ismail was when he was involved in politics. In this House, Mr Speaker, Sir, I have crossed swords many a time with the late Tun Dr Ismail, mainly over the question of fundamental liberties. But I wish to say that I have found him, over the years, a man who has been absolutely fair. What this

country has lost, apart from all that has been said by the Prime Minister and the Minister of National Unity, is that the late Tun Dr Ismail stood for multi-racialism in this country. He felt, and he said it loud and bold, that everybody should have a place under the Malaysian sun irrespective of race, colour or creed, and that is a quality that has endeared him to many people in this country.

The deeds of the late Tun Dr Ismail are indelibly printed on the sands of time and the sands of Malaysian history in this country, and I do not wish to reiterate what has been said by the two Tuns before me. All I wish to say, Mr Speaker, Sir, is that, on behalf of the PEKEMAS, I wish to convey our deepest condolences to Toh Puan Norashikin and the family of the late Tun Dr Ismail.

4.15 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang: (Bandar Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan kematian Allah yarham Tun Dr Ismail, Malaysia sudah hilang seorang tokoh negara dan parliamenterian terkemuka. Sungguhpun saya tidak ada peluang tahunenahu Allah yarham Tun Dr Ismail bersendirian dan sungguhpun kita di pihak sini ada kadang-kala perbezaan pendapat dan pandangan politik dengan Allah yarham, kita tidak teragak-agak menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Allah yarham Tun Dr Ismail sudah mengorbankan nyawa dan tenaganya untuk kemerdekaan dan pembangunan negara kita dan saya bagi pihak DAP dan Pembangkang ingin mengambil peluang untuk mengucapkan takziah kepada Toh Puan Hajjah Norashikin dan keluarganya.

4.16 ptg.

**Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (Dengan izin)** Mr Speaker, Sir, I rise to associate myself and my colleagues with the Motion which has been tabled before this House by the Honourable Prime Minister in connection with our late Tun Dr Ismail.

I remember, Sir, that the first time that I heard of Tun Dr Ismail's death was when I was away from this country. I was in

Japan then. When I picked up the newspaper one day, I read an article there about his sudden death. My first feeling was a feeling of disbelief and then my next feeling and reaction was one of a deep sense of loss.

Mr Speaker, Sir, I have not known Tun Dr Ismail well, except in my capacity at one time as Deputy Chief Minister of Sarawak during official duties, at functions and as associates and lately as fellow Members of Parliament in this House. But over the years I have come to know him and I have come to respect him, although I did not always share in what he had done—for instance, when he went to Sarawak at that time in connection with the sacking of the Chief Minister. But be as it may, as a person I have always respected him as a man who was fair and as a man who had the courage of his convictions about everything and as a man who had a reputation, Sir, for being just and fair, as the Honourable Member on my left has just pointed out.

Tun Dr Ismail had projected himself to all Malaysians in Malaysia, particularly among the Chinese, as a Minister whom they could trust to be fair, to be just and to carry out his fairness and justice with courage and conviction. Above all, he had an image of incorruptibility and I am sure, if nothing else, the late Deputy Prime Minister, Tun Dr Ismail, has left us a legacy in this nation of ours and, in fact, a legacy to all future Parliamentarians and Ministers and politicians of what a politician, of what a Parliamentarian and, above all, of what a Minister should be. He was a man, Sir, if I may say here, who had followed what, if I may quote, the late Chancellor, Dr Adenauer of Germany said:

“To whom it can be said that when posterity looks beyond the dust and clouds of our times, it can be said of him that he has done his duty by this nation”.

On that note, Mr Speaker, Sir, I and my colleagues and the Sarawak National Party like to extend our deepest and sincerest condolence to Toh Puan Norashikin and the family of the late Tun Dr Ismail.

4.20 ptg.

**Datuk Khoo Peng Loong (Bandar Sibul):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I stand up to give my Party's support and my support to the Motion moved by the Honourable Prime Minister of Malaysia on the death of Tun Dr Ismail. His death came to us as a shock, and we feel that it is a great loss to us in Malaysia. No doubt my Party was an Opposition Party in the last Parliament, but we found that he was very fair because many times when our detainees were detained in Batu Gajah, our present Deputy Chief Minister of Sarawak, Datuk Stephen Yong, used to ask him for his permission to go and visit those detainees in Batu Gajah, and he had always given us his permission to go and visit them. He was very fair, Sir, no matter whether to the Opposition or to his Alliance Party. Because of this, Sir, we regret very much his death which is a great loss to our country. I enjoin my sympathy and also my Party's sympathy to the family of the late Tun Dr Ismail.

4.22 ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bangun menyokong di atas cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas menyatakan ucapan dukacita dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allah yarham Tun Dr Ismail di atas kematiannya pada bulan Ogos yang lalu.

Kami dari pihak PAS turut berdukacita sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan anggota-anggota yang lain di atas kehilangan seorang tokoh dan negarawan kita yang telah pergi menemui Tuhan lebih dahulu daripada kita, walaupun kita tahu bahawa tiap-tiap yang hidup akan menemui akhirnya, maka demikian jugalah tiap-tiap daripada kita akan mengikut jejak langkah yang telah dirasai oleh Allah yarham Tun Dr Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa berbesar hati dengan ada orang yang seperti Tun Dr Ismail ini yang telah menghabiskan masanya berpuluh-puluh tahun untuk memimpin negara dengan meninggalkan kesenangan hidup yang sepatutnya dirasai oleh beliau. Bolehlah dikatakan penyakit yang dialami oleh Allah yarham Yang Amat Berhormat adalah disebabkan kerja kuat

dan memerah tenaganya untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sifat-sifat yang ada pada Allah yarham Tun Dr Ismail adalah sifat-sifat yang sebaiknya ada pada negarawan kita iaitu tekun kepada negara, tegas dalam menjalankan pentadbirannya dan seterusnya beliau mahu apa yang dicita-citakan itu akan dilaksanakan untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sifat-sifat yang ada pada Allah yarham haruslah menjadi ikutan kepada jenerasi kita pada masa yang akan datang dan kata-kata beliau untuk kepentingan bangsa dan negara haruslah menjadi ikutan pada kita dan orang yang terkemudian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembelaan kepada bangsa khususnya bangsa Melayu dan bumiputra secara tegas-tegas Allah yarham menyatakan hasratnya untuk mencapai tujuan-tujuan bagaimana yang dicita-citakan oleh beliau bersama Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, sebagaimana yang telah kita tahu pada beberapa kali ucapan yang telah dibuat oleh beliau di beberapa tempat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya dan parti saya, Parti Islam Malaysia (PAS) menyatakan ucapan dukacita di atas kehilangan Allah yarham Tun Dr Ismail dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allah yarham.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Allah yarham Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Norashikin dan keluarga.

#### KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

4.25 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat

utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, sambil meluluskan Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukun-negara.

Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun yang lalu, dengan terlancarnya Rancangan Malaysia Kedua, kita telah menentukan arahan haluan baru bagi pembangunan negara ini dan meletakkan batu asas perpaduan negara dan kemakmuran rakyat seluruhnya. Hasrat dan cita-cita kita semuanya terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru serta digariskan langkah-langkah tindakan yang akan diambil dalam jangka waktu sehingga pertengahan tahun tujuh puluhan bagi melaksanakan Dasar tersebut dalam bidang Rancangan Malaysia Kedua.

Saya sangat sukacita dan bangga dapat membentangkan kepada Dewan ini Kajian Semula Pertengahan Penggal ini untuk pertimbangan dan penerimaannya.

Sukacita dinyatakan bahawa kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua melebihi jangkaan kita. Dengan itu bermakna tapak asas untuk membina masyarakat Malaysia berlandaskan cita-cita *Rukunegara* adalah lebih kukuh berbanding dengan

keadaan dalam tahun 1969 manakala kerusuhan antara kaum mengancam keutuhan masyarakat kita yang berbilang bangsa.

Hari ini kita boleh memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan. Akan tetapi, kita patutlah sentiasa berwaspada oleh kerana tempat yang kita tuju itu masih jauh. Sungguhpun kita boleh berpuashati dengan kejayaan setakat ini, janganlah pula hal ini menyebabkan kita lalai dan bersenang diri. Sebaliknya, kita mestilah sentiasa berjaga-jaga terhadap anasir-anasir perosak yang masih ada di tengah-tengah kita dan sambil itu berbuat sedaya upaya untuk menghapuskan anasir-anasir itu. Akan diingat, *perpaduan negara* yang menjadi tiang seri segala dasar kita, amat penting serta berharga kepada kita semua oleh kerana perpaduan adalah mustahak bukan sahaja untuk menjamin kemajuan ekonomi dan sosial yang berkekalan bahkan lebih-lebih lagi oleh kerana ianya merupakan syarat mutlak bagi menjamin wujudnya negara Malaysia yang berbilang bangsa.

Kita semua faham selagi *kemiskinan* dan keadaan *ekonomi yang tidak seimbang* terdapat di dalam masyarakat kita dari ceruk rantau negara, maka selama itu perpaduan negara akan sukar dicapai. Oleh yang demikian, wajiblah kita memperkuatkan daya usaha untuk membina masyarakat yang bersatu teguh dan progresif, dengan penuh berpeluang bagi semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia sedang berada dalam zaman peralihan. Kita sedang bergiat membentuk keperibadian nasional yang mencerminkan perpaduan antara kaum dan ciri-ciri kebudayaan menurut lunas-lunas Rukunegara. Selanjutnya kita sedang berusaha membina sebuah masyarakat adil yang menjamin tempat dan peluang bagi setiap rakyat. Serentak dengan itu, kita sedang bergerak keluar dari kongkongan adat dan pegangan usang serta nilai-nilai lama yang menyekat kemajuan moden selaras dengan kemaraan sains dan teknologi, tanpa menyepikan nilai-nilai rohani.

Seterusnya, sedang kita menggalakkan semangat berdikari dan sikap yang positif di kalangan rakyat, kita terus bergerak ke arah zaman baru, politik campuran yang menjunjung semangat bekerjasama dan kepercayaan yang teguh terhadap kebajikan negara. Kita juga berjaya memperbaiki lagi

perhubungan dengan negara-negara lain di dunia tanpa menghitung corak ekonomi ataupun ideologi politik mereka. Dan, menerusi kerjasama serta persefahaman dengan negara-negara jiran tetangga, kita sedang berusaha menjadikan Asia Tenggara ini rantau aman damai, bebas dan berkecuali.

Seperti sedia dimaklum, Dasar Ekonomi Baru adalah garis panduan kita hendak membina masyarakat adil, progresif dan bersatu padu. Dasar ini mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum, dan menyusun semula masyarakat supaya lambat laun akan hapus keadaan di mana satu-satu kaum terpisah menurut fungsi ekonomi mereka.

Dalam melaksanakan dasar, program dan projek kita, mustahaklah diingat bahawa perpaduan negara akan menjamin adanya tempat yang wajar bagi setiap rakyat Malaysia, di samping mengadakan peluang yang saksama untuk setiap warganegara Malaysia agar dapat menikmati dan sama-sama merasa kekayaan negara. Selanjutnya, dalam proses pembangunan, tidak seorang pun atau satu-satu kaum akan merasa kehilangan hak asasi mereka. Dengan kerana itulah, seringkali ditegaskan bahawa strategi serampang dua mata ini hanya dapat dilaksanakan dalam keadaan ekonomi yang semakin luas dan bertumbuh. Pendek kata, kita akan membuka peluang dalam keadaan ekonomi yang berkembang dan serentak dengan itu berusaha merapatkan jurang perbezaan antara kaum bagi membina masyarakat adil dan bersatu.

Kita juga sedar dalam melaksanakan dasar-dasar kita, mungkin ada pihak perseorangan atau satu-satu kumpulan yang merasa kepentingan mereka tidak dihiraukan. Keadaan yang tidak seimbang yang dihadapi oleh orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra lain—warisan sejarah zaman penjajah—hanya boleh dibaiki melalui tindakan yang tegas dan radikal. Oleh itu didapati mustahak usaha-usaha permulaan itu dibuat besar-besaran agar lebih berkesan dan bermakna.

Saya suka menegaskan di sini bahawa kita akan mengambil apa jua tindakan untuk mengurangkan kesan-kesan buruk yang mungkin timbul dari langkah permulaan itu. Bukanlah tujuan kita hendak menjadikan keadaan tidak seimbang antara Bumiputra

dan bukan Bumiputra hari ini masaalah yang berkekalan hingga masa depan. Kita hanya hendak mengurangkan keadaan yang tidak seimbang seperti yang ada sekarang. Apabila keadaan itu telah diperbaiki, kita tidak akan meneruskan usaha lebih daripada itu sehingga memburukkan keadaan orang-orang yang bukan Bumiputra. Ini akan menimbulkan keadaan tidak seimbang yang kita tidak ingini dan ini bukanlah tujuan kita. Apa yang kita harapkan ialah rakyat di Negara kita dapat peluang yang saksama dan dengan itu dapatlah kita menubuhkan masyarakat adil di Malaysia ini.

Kita ada mempunyai kemampuan yang cukup untuk membina masyarakat baru. Kita juga mempunyai sumber yang cukup bagi menjamin kehidupan yang sempurna bagi semua rakyat. Kita juga mempunyai kemahuan dan keazaman menjayakan tugas-tugas ini dan menghadapi sebarang cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya kemajuan dalam tempoh tiga tahun yang baru lalu? Kajian Semula menunjukkan G.N.P. atau Keluaran Kasar Negara meningkat kepada 11% menurut harga sekarang, berbanding dengan matlamat asal 6.5% setahun. Setelah memperhitungkan kesan kenaikan harga semasa 1971-73, perkembangan sebenar ialah 6.9% dan lebih tinggi dari jangkaan. Berdasarkan ini, menurut anggaran conservative bagi seluruh tempoh Rancangan, pendapatan nasional pada harga sekarang akan meningkat hampir-hampir 9% setahun yang melebihi matlamat asal 6.5% sementara G.N.P. akan bertumbuh dengan sewajarnya.

Sesungguhnya kita sedang menuju tempoh yang memberangsangkan hasil dari pertumbuhan yang segar dari usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Galakan yang diberi oleh Kerajaan mencarigali minyak dari dasar laut telah mula memberi hasil yang baik. Tahun ini sahaja, enam penemuan minyak dan gas dasar laut telah diumumkan dan kita boleh mengharapkan aliran gas dan minyak dari penemuan-penemuan baru kelak, yang mungkin menjadikan negara ini salah satu pengeksport minyak yang penting pada akhir abad ini.

Harapan yang baik ini membuka jalan baru bagi kita meluaskan tapak ekonomi negara dan kita sedang menimbang dengan teliti cara-cara bagi mendapatkan faedah-faedah ekonomi dan sosial dari

sumber-sumber minyak serta gas itu. Satu hal yang nyata ialah kemungkinan melaksanakan strategi membawa industri ke kawasan kurang maju di samping meluaskan scope perindustrian dengan mengadakan petroleum-based industries.

Langkah-langkah telah juga diambil untuk memajukan capital and financial market dan juga international commodity market di Malaysia. Ini akan memberi stimulus untuk memesatkan perkembangan ekonomi yang diperbagaikan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi kita boleh berbangga dengan kejayaan-kejayaan ini. Perkembangan ekonomi negara telah meningkatkan taraf hidup rakyat yang lebih ramai di samping memberikan tenaga untuk memperkuatkan usaha membasmi kemiskinan. Sasaran kita yang utama ialah pengangguran, kurang daya pengeluaran dan keadaan hidup yang dzaif. Kajian semula ini mengandungi laporan lengkap mengenai kemajuan yang telah dicapai dalam bidang-bidang itu.

Sekarang biarlah saya sebutkan kemajuan-kemajuan utama dalam bidang ini. Dalam tempoh 1971-73, sebanyak 350,000 pekerjaan baru dapat diadakan iaitu 58% dari matlamat 596,000 pekerjaan dalam lima tahun. Kita anggarakan sebanyak 250,000 pekerjaan lagi akan diadakan dalam tahun 1974-1975, menjadikan jumlah 600,000 pekerjaan baru. Saya percaya kita akan dapat menemui kejayaan dan seterusnya mencapai sasaran "full employment" yang dijadualkan. Dengan ini kita akan mengurangkan pengangguran dari 7.5% dalam tahun 1970 kepada 7% dalam tahun 1975.

Dalam usaha kita memodenkan sektor pertanian, dan dengan itu meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan pekebun-pekebun kecil, beberapa kejayaan telah juga dicapai. Seluas 600,000 ekar tanah baru telah dimajukan. FELDA sendiri membuka 224,000 ekar dan mencapai 81% matlamat tempoh lima tahun. Lebih 400,000 ekar tanah diberi kemudahan parit dan taliair; dari jumlah itu 210,000 ekar tambahan untuk menanam padi dua musim. Yang selebihnya adalah bagi memperbaiki keadaan ladang kecil getah, kelapa dan tanaman-tanaman lain. Lebih 70% matlamat telah dicapai. Dari segi kewangan, sebanyak \$300 juta telah dibelanjakan oleh institusi-institusi kewangan

seperti Bank Pertanian, Bank Bumiputra dan M.I.D.F., sementara bank-bank swasta mengeluarkan hampir-hampir \$500 juta untuk commercialised agriculture dan perkembangan agro-based industries.

Dalam usaha memperbaiki keadaan hidup rakyat berpendapatan rendah, sebanyak \$30 juta telah dibelanjakan untuk bekalan elektrik di kampung-kampung, membawa faedah kepada 350 kampung dan New Villages, meliputi 55,000 pengguna luar bandar. Lebih \$20 juta dikeluarkan untuk kesihatan luar bandar. Lebih kurang 63,500 unit rumah murah telah dibina di samping 8,400 unit untuk FELDA.

Di bidang persekolahan, 10 sekolah berasrama sudah siap bagi latihan belia luar bandar dalam jurusan sains, teknikal dan vocational. Usaha sungguh-sungguh dijalankan bagi mengurangkan angka keciciran murid-murid dan memperbaiki kemudahan sekolah bagi keluarga miskin di bandar dan luar bandar.

Satu program istimewa untuk New Villages telah dilancarkan bagi membuat jalan, memberi bekalan elektrik, parit, padang permainan dan lain-lain. Bersama-sama dengan pihak swasta, kemudahan-kemudahan di ladang dan lombong akan dibaiki lagi di samping memberi peluang memiliki rumah bagi golongan pekerja. Dengan itu mereka akan dapat ditarik ke dalam kehidupan sosial dan ekonomi negara.

Seperkara yang agak penting ialah usaha kita menggalakkan integration antara Negeri-negeri dan kawasan-kawasan di Malaysia, membuka pusat pertumbuhan baru (new growth centres) dan mendorong pembahagian aktiviti ekonomi yang lebih memuaskan. Beberapa rancangan pembangunan kawasan dan projek telahpun siap dan yang lain pula baru dimulakan. Banyak juga industri yang ditarik ke tempat-tempat kurang maju dengan mengadakan Free Trade Zones, kawasan-kawasan perindustrian dan galakan-galakan pelaburan serta infrastructure development. Infrastructure termasuklah hubungan udara, perkapalan di samping khidmat-khidmat sosial lain telah diperluaskan kepada semua Negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Dengan perkembangan ini, sumber-sumber ekonomi yang belum

diusahakan dapat dimajukan untuk kebajikan bersama di samping membawa tempat-tempat yang terkebelakang mengikuti arus pembangunan ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kita mencipta masyarakat adil dalam negara yang berbilang bangsa menghendaki seluruh rakyat memahami dan mengambil peluang untuk memberi sumbangan kepada kehidupan ekonomi negara sambil menikmati hasil titik peluh mereka. Adalah nyata terdapat jurang perbezaan antara orang perseorangan dan antara kumpulan semua kaum. Tetapi jurang perbezaan ini adalah lebih ketara di antara orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain dengan orang-orang bukan Bumiputra.

Kerajaan berazam hendak menghapuskan punca yang menyebabkan keadaan tidak seimbang di kalangan rakyat dan memberi peluang yang sama kepada mereka dalam suasana kemajuan dan kemakmuran. Dalam hubungan ini, Kerajaan adalah berazam membentuk seberapa segera satu golongan perdagangan dan perindustrian Bumiputra yang berkembang subur. Kita berbuat demikian bukan semata-mata kerana orang-orang Melayu dan Bumiputra merupakan golongan majoriti, bukan kerana keadaan tidak seimbang itu akan menimbulkan ketegangan sosial dan politik tetapi ialah kerana kebenaran dan keadilan. Dan sambil itu Kerajaan juga berazam membantu yang lemah, miskin dan yang tidak bernasib baik, tidak mengira kaum atau bangsa.

Patutlah diingat bahawa tempoh tiga tahun adalah terlalu singkat untuk melihat kejayaan yang lebih besar oleh kerana tugas itu meliputi jangka waktu yang panjang. Bagaimanapun, kita telah memulakan usaha yang besar dan berkepanjangan itu. Dengan pengertian dan kerjasama pihak swasta, Kerajaan telahpun melaksanakan kehendak agar pembahagian pekerjaan benar-benar mencerminkan keadaan penduduk kita dalam semua sektor ekonomi.

Dalam pada itu, badan-badan seperti PERNAS, UDA, MARA, Bank Bumiputra, Credit Guarantee Corporation dan Lembaga Kemajuan Negeri agensi-agensi yang ditubuhkan untuk merintis jalan ke arah penyusunan semula masyarakat—telah meluaskan kegiatan-kegiatan dalam bidang perniagaan dan perindustrian. PERNAS sekarang mempunyai tujuh syarikat anak

menjalankan perniagaan insuran, binaan, dagang, harta benda, kejuruteraan dan saham. PERNAS juga menubuhkan perkongsian dengan pihak swasta dalam perlombongan, hotel, kontena dan khidmat perunding.

MARA setakat ini telah membina 55 bangunan kedai untuk membolehkan 600 peniaga Melayu menjalankan perniagaan. Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri, selain dari menjalankan kegiatan perniagaan dan perindustrian, membina 720 yunit kedai untuk disewa kepada peniaga-peniaga Bumiputra. UDA sejak ditubuhkan telah menyediakan 240 yunit tempat perniagaan bagi orang-orang Bumiputra untuk beberapa jenis perniagaan. Selain dari itu, UDA juga memberi bantuan kepada peniaga-peniaga untuk mengubah serta melengkapkan tempat-tempat perniagaan, sementara tempat-tempat telah ditempah dalam beberapa kompleks baru yang sedang dibina di bandar-bandar besar.

Dalam usaha Kerajaan membukakan peluang kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam bidang pengurusan serta mengelolakan perniagaan dan perindustrian, Kerajaan juga menggalakkan pemilikan modal oleh ahli-ahli Bumiputra dalam sektor ekonomi modern. Di samping usaha-usaha yang dijalankan oleh PERNAS dan Lembaga Kemajuan Negeri, Amanah Saham MARA terus meluaskan kegiatan pelaburan. Kompleks Kewangan MARA telah ditubuhkan dengan modal permulaan sebanyak \$8 juta untuk Amanah Saham dan ini ditambah menjadi \$40 juta untuk mengumpul serta menyalurkan simpanan ahli-ahli Bumiputra bagi pelaburan serta menggalakkan penyertaan dalam pasaran modal dan saham.

Sementara itu, modal orang-orang Bumiputra dalam projek perkilangan telah meningkat kepada \$350 juta. Selanjutnya, satu Yunit Penyertaan Bumiputra dan Tabung Amanah telah diadakan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi peluang dan membantu ahli-ahli Bumiputra mendapat saham yang dikhaskan untuk mereka.

Meskipun banyak usaha yang telah dijalankan, kesannya kepada ahli-ahli Bumiputra tidaklah akan dirasakan kecuali

kalau mereka disediakan menerusi pelajaran dan perubahan sikap agar dapat menyertai secara berkesan dalam perniagaan, perindustrian dan pertanian moden. Oleh itu, Kerajaan memberi keutamaan kepada perkembangan pelajaran dan latihan dalam jurusan sains, teknologi dan perniagaan. Hari ini bilangan pelajar-pelajar di peringkat Menengah Atas dan Universiti bertambah sebanyak 40%. Sambil itu, ratio pelajar-pelajar dalam aliran sains, teknikal dan vocational bertambah dari 34% tahun 1970 kepada 45% tahun 1973 bagi peringkat Menengah Atas dan dari 44% kepada 48% di peringkat Universiti.

Untuk mengatasi kelemahan pelajar-pelajar Bumiputra dan bangsa-bangsa lain yang miskin dalam jurusan sains, banyak lagi sekolah-sekolah berasrama didirikan oleh Kementerian Pelajaran, dan MARA supaya lebih ramai lagi pelajar jurusan sains dari kampung dan dari kawasan-kawasan luar bandar.

Bilangan pelajar-pelajar Bumiputra yang semakin ramai di Kolej dan Universiti amat mengalakkan. Perimbangan pelajar-pelajar Bumiputra di Universiti hari ini meningkat dari hampir-hampir 40% dalam tahun 1970 kepada 53% iaitu dalam tempoh tiga tahun. Tidak dapat dinafikan kejayaan-kejayaan ini amat membanggakan kita semua terutama bila kita mengingatkan keadaan yang agak berat dan peringkat ini hanya beberapa tahun sahaja dahulu. Kita terpaksa mengejar waktu dan bersyukur kerana telah mencapai kejayaan selama tiga tahun ini. Tetapi patut juga diingatkan akan tujuan kita menjamin agar peluang-peluang pelajaran bagi rakyat Malaysia yang lain terus berkembang sama.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini dan juga kepada orang ramai bahawa Kerajaan tidak berhajat hendak menghapuskan keadaan tidak seimbang pada masa lalu itu dengan menimbulkan keadaan baru yang serupa. Sebaliknya, rancangan-rancangan pendidikan kita akan dilaksanakan supaya meluaskan peluang pelajaran bagi semua rakyat Malaysia selaras dengan kedudukan negara kita yang berbilang bangsa. Tegasnya, kita akan menambahkan peluang-peluang bagi semua rakyat di pusat-pusat pengajian tinggi negara ini.

Seperti yang saya katakan pada awal tadi, Kerajaan telah melancarkan satu rancangan pembangunan besar-besaran yang belum ada bandingannya untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tahniat dan penghargaan patutlah diberi kepada pegawai-pegawai kita di peringkat Persekutuan dan Negeri, Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat awam oleh kerana semangat dedikasi dan azam mereka melaksanakan Rancangan ini menurut jadual sebagaimana yang terbukti dalam Kajian Semula ini.

Menurut rencana, kita akan menganggarkan \$7,000 juta untuk kegiatan sektor awam bagi tempoh 1971-75. Hingga akhir tahun ini, hampir-hampir \$5,000 juta atau 67% telah dibelanjakan dan sebahagian besar dari peruntukan wang ini adalah dari sumber-sumber dalam negeri. Ini adalah satu rekod yang sangat cemerlang. Memandang pada kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan program dan projek-projek, maka Kerajaan telah meminda matlamat perbelanjaan pembangunan awam untuk tempoh lima tahun dengan tambahan lebih \$2,000 juta. Ini akan membolehkan pelaksanaan program yang lebih luas—yang belum ada bandingannya selama ini—bagi mempercepatkan langkah pembangunan ekonomi dan sosial. Boleh dikatakan semua agensi Kerajaan akan menerima peruntukan yang lebih dari jumlah asalnya. Bidang pertanian dan pembangunan luar bandar akan bertambah 14%; pengangkutan dan perhubungan tambahan lebih 30%; kemudahan awam (utilities) bertambah 30%; sementara pelajaran dan latihan bertambah hampir-hampir 37%.

Sebagaimana Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, masih terdapat jurang perbezaan di antara pendapatan dan peluang-peluang bagi meninggikan taraf ekonomi, pelajaran dan sosial rakyat kita di peringkat kampung. Oleh itu, Kerajaan akan terus menjalankan usaha bagi meninggikan taraf hidup kaum tani dan untuk maksud ini, Kerajaan telah menyusun semula jentera pentadbiran dan pertubuhan-pertubuhan peringkat bawah (grassroot institutions) dengan tujuan hendak melicinkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang diatur bagi kaum tani. Lembaga Pertubuhan Peladang kini sedang giat menyusun rancangan-rancangan kemajuan bukan sahaja untuk membantu melaksanakan dasar pertanian Negara, menyediakan bekalan beras yang cukup di samping

meninggikan daya pengeluaran hasil pertanian seperti buah-buahan tempatan dan juga sayur-sayuran. L.P.P. juga telah diberi tugas baru mempergiatkan usaha-usaha memperdagangkan hasil-hasil pertanian supaya peladang-peladang kita akan bertukar corak daripada "subsistence farmers" kepada "commercial farmers". Adalah diharapkan proses perubahan sikap di kalangan masyarakat tani akan dapat dipercepatkan lagi. Lembaga Pertubuhan Peladang akan menitik-beratkan usaha-usahanya di kawasan-kawasan pembangunan pertanian di mana perbadanan pertanian yang khas tidak diwujudkan, seperti di Besut, Sungai Manik, Seberang Perak, Johor Barat, Sabak Bernam, Tanjung Karang, Pahang Tua dan di lain-lain kawasan yang mundur.

Bagaimanapun, tambahan yang paling besar ialah di bidang perdagangan dan perindustrian untuk membiayai program PERNAS, UDA, MARA dan Lembaga Kemajuan Negeri. Pindaan peruntukan bagi sektor ini lebih dua kali ganda dari peruntukan asalnya. Program pelaburan yang lebih besar untuk sektor awam akan mendorong pertumbuhan pelaburan sektor swasta. Tambahan pula dasar galakan untuk pelaburan swasta akan lebih diutamakan oleh kerana sektor swasta memainkan peranan besar dalam pembangunan negara. Adalah menjadi tujuan kita menjamin agar sumbangan pihak swasta untuk mencapai matlamat-matlamat sosial dan ekonomi bukan saja dapat dikekalkan bahkan beransur-ansur ditingkatkan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Tuan yang di-Peritua sedia dimaklum, tugas membiayai matlamat-matlamat yang bertambah luas itu akan menghendaki kawalan kewangan yang lebih berhati-hati di pihak Kerajaan. Kita mesti menjamin supaya semua sumber yang ada di tangan kita digunakan sewajarnya untuk mengekalkan momentum pembangunan yang telah ditetapkan tanpa menimbulkan keadaan yang tidak stabil. Di atas segala-galanya kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga terhadap bahaya inflasi. Oleh yang demikian, amatlah mustahak kita terus mengekalkan keteguhan ringgit dan sistem kewangan negara supaya menjaga iklim pelaburan yang baik dan faedah-faedah dari pembangunan ekonomi demi kepentingan hidup rakyat tidak akan terjejas.

Kerajaan memandang berat terhadap masalah kenaikan harga barang-barang sejak beberapa bulan yang lampau. Seperti dimaklum, kenaikan harga ini berpunca dari beberapa sebab. Yang jelas kepada kita ialah kenaikan harga barang-barang impot khususnya harga bahan-bahan makanan termasuk beras. Ini boleh dikatakan menjadi masalah antara-bangsa. Oleh itu, untuk menjamin agar jurang antara bekalan dan tuntutan (supply and demand gap) dikurangkan, Kerajaan telah mendapatkan bekalan beras secara langsung dan menjualnya kepada orang ramai secara subsidy. Langkah-langkah telah juga diambil untuk menjamin pembahagian barang-barang keperluan yang lebih efficient kepada rakyat, khususnya di kampung-kampung. Begitu juga mengenai bekalan bahan-bahan makanan seperti gula dan susu, cukai impot telah diturunkan atau dihapuskan supaya mengawal kenaikan harga. Penarikan quota dan pengecualian cukai atas bahan-bahan binaan khususnya besi waja dengan tujuan mengelakkan kenaikan harga.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah wujudnya terlampau banyak wang dalam pusingan yang disebabkan oleh kemasukan wang melimpah dari luar negeri dan penambahan domestic credit. Keputusan mengapungkan (floating) nilai ringgit Malaysia terpaksa diambil sebagai langkah meredakan tekanan inflasi luar ini. Bagaimanapun, kesan dari tindakan ini akan mengambil waktu kerana jauhnya masa antara pembelian dan penyerahan sebenarnya.

Dalam semua langkah-langkah ini, Kerajaan adalah memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi tidak tergendala oleh langkah-langkah yang ketat, dan sistem harga tidak terganggu supaya peruntukan bahan-bahan dapat dijalankan dengan sempurna. Pada muktamadnya, kita percaya kesuburan ekonomi yang stabil hanya boleh dicapai dengan menambah pengeluaran dan meluaskan perbekalan.

Memandang hal inilah maka saya telah mengarahkan pembukaan lebih banyak lagi kawasan-kawasan baru untuk tanaman padi dan usaha yang lebih giat untuk menanam tanaman-tanaman lain. Begitu jugalah, kedudukan perbekalan bahan-bahan binaan telah dikaji dengan teliti bagi menyusun langkah menjamin harga yang stabil.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa waspada dan sedar akan kesusahan yang dialami rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah akibat kenaikan harga barang-barang. Antara sebab-sebab kenaikan harga itu, ada yang tidak dapat dikawal, terutama inflasi yang datang dari luar. Akan tetapi Kerajaan berazam mengawasi keadaan ini dengan teliti dan menghapuskan perbuatan curang dan mencari untung yang berlebihan. Kerajaan telahpun memberi Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja Kerajaan khasnya yang berpendapatan kecil dan beberapa kemudahan yang lain yang bertujuan mengurangkan kesusahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengubah susunan sosial dan ekonomi Malaysia seperti yang disarankan oleh Dasar Ekonomi Baru akan mengambil masa kira-kira satu jenerasi untuk dilaksanakan. Dalam menuju matlamat ini, Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu peringkat sahaja tetapi ialah peringkat yang maha penting.

Oleh itu, dengan tujuan supaya kita mendapat gambaran jangka panjang mengenai dasar-dasar yang akan disusun dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan serta usaha-usaha bagi menjayakannya, maka satu Rancangan Perspektif bagi tempoh 1970-90 telah juga disediakan dan di masukkan bersama dalam Kajian Semula Perancangan Penggal Rancangan Malaysia Kedua ini.

Rancangan Perspektif ini membayangkan bahawa matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dalam masa satu jenerasi. Menerusi dasar perindustrian negara dan pertumbuhan ekonomi yang meningkat, Rancangan Perspektif ini membayangkan kemungkinan tercapai keadaan pekerjaan yang cukup (full employment) dan perimbangan kaum dalam pekerjaan dalam tempoh jenerasi itu.

Kita mempunyai banyak bahan dan tenaga manusia yang boleh dimajukan sepenuhnya untuk faedah kita semua. Untuk tujuan ini kita perlulah bekerja kuat, mempunyai daya usaha, inovasi dan lebih-lebih lagi semangat dedikasi dan commitment kepada tugas-tugas yang kita laksanakan.

Tegasnya, kita merancang untuk menambah lebih banyak bilangan orang Melayu dan Bumiputra yang lain dalam perdagangan

moden dan industri serta menambah peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain iaitu sejajar dengan kedudukan penduduk negara kita yang berbilang bangsa. Pendeknya, rakyat Malaysia mempunyai peluang menggunakan segala kemahiran dan bakat yang ada pada mereka.

Rancangan Perspektif ini adalah berasaskan lunas utama Dasar Ekonomi baru iaitu dalam menyusun semula masyarakat maka kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat Malaysia tidak akan kehilangan hak-hak mereka. Ini adalah asas strategi kita dalam usaha mewujudkan perimbangan antara kaum di negara ini dalam pemilikan, pengurusan dan penguasaan harta negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah benar-benar berazam untuk menolong orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain menambah pemilikan modal dalam negara ini sebagai usaha penting dalam strategi membentuk sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputra supaya dalam tempoh 20 tahun sebanyak 30% daripada jumlah aktiviti perdagangan dan perusahaan di semua peringkat berada dalam tangan mereka itu. Dalam pada itu pertumbuhan ekonomi ini akan juga memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat Malaysia yang lain.

Adalah jelas, menurut Rancangan Perspektif ini, kita bukan saja akan mencapai matlamat-matlamat bagi menolong orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain bahkan membuka peluang-peluang bagi rakyat Malaysia yang lain menambah hak milik mereka sebanyak 11% setahun disamping sumbangan oleh pelabur-pelabur luar negeri yang berkembang sebanyak 8% setahun. Kesimpulannya, menjelang tahun 1990 kita berharap orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain akan memiliki 30% semua modal saham dan rakyat Malaysia yang lain akan memiliki 4% atau sembilan kali lebih daripada yang dimiliki mereka dalam tahun 1970; sementara pelabur-pelabur luar negeri akan memegang 30% daripada jumlah atau lima kali lebih daripada paras mutlak tahun 1970.

Dengan demikian, menjelang tahun 1990, kita menjangka rakyat Malaysia sendiri akan menguasai bahagian terbanyak sekali harta negara ini. Sambil itu Kerajaan akan sentiasa menggalak dan mengalu-alukan pelaburan dari luar negeri dalam semua

sektor perdagangan dan perindustrian secara usaha bersama atau perkongsian untuk perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan dengan panjang lebar kejayaan-kejayaan telah kita capai, harapan kita dan rancangan-rancangan kita untuk masa hadapan.

Kita telah melancarkan satu Rancangan yang besar untuk menghapuskan kemiskinan dan keadaan tidak seimbang dalam masyarakat dan meluaskan peluang-peluang untuk memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada semua rakyat negara ini.

Inilah commitment kita untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang baru berlandaskan Dasar Ekonomi Baru dan prinsip-prinsip Rukunegara. Usaha-usaha kita mencapai matlamat ini dalam tempoh tiga tahun yang lalu amat membanggakan. Sesungguhnya kejayaan kita dalam beberapa bidang melebihi jangkaan. Kita mampu meneruskan usaha-usaha ini dan menyempurnakan sepenuhnya tugas-tugas yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Sambil kita melangkah masuk ke peringkat kedua decade ini, kita memerlukan usaha-usaha yang banyak, berat dan rumit. Penyusunan semula masyarakat, walaupun dalam keadaan yang paling baik sekalipun, adalah merupakan satu tugas yang amat sukar. Akan tetapi, arah dan haluan yang hendak kita tuju adalah terang dan nyata, dan kita mempunyai kemampuan untuk melaksanakan segala yang telah ditentukan itu.

Oleh yang demikian, marilah kita semua, tidak kira bangsa, jenis pekerjaan atau taraf kedudukan, bersama-sama bersatu hati menumpukan usaha sebagai rakyat Malaysia membina sebuah negara yang bersatu padu, aman bahagia, adil dan makmur untuk kita yang ada sekarang ini dan untuk generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan. (*Tepuk*).

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong usul ini.

5.05 ptg.

**Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to support the Motion moved by the Prime Minister on the adoption of the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan. However, in giving my support to this Motion, I wish at the same time to comment on some aspects of the education and training programmes as outlined in the Plan.

I must reiterate from the outset that I support the major objectives of the education and training programmes as laid down in this Plan. These objectives are farsighted as the over-riding principle is the promotion of national integration and unity and the expansion of the education and training programmes to meet the increasing manpower needs of the country.

*National Education Policy and the Implementation of Bahasa Malaysia Policy.* Mr Speaker, Sir, the main programmes in the promotion of national integration and unity in respect of education are embedded in our national education policy, and the implementation of Bahasa Malaysia as the main medium of instruction in schools and closing the gap in educational opportunities among regions and races. However, the crucial matter is on the implementation of the programme which is contained in the national education policy, and which is to be carried out gradually and by systematic stages. Mr Speaker, Sir, I repeat, the implementation process is to be done gradually and in stages so that no race should feel a sense of loss or deprivation.

In respect of the implementation of Bahasa Malaysia as the main medium of instruction in tertiary education, the House was assured that this will be done in orderly stages as stipulated in our National Education Policy and that by 1983 the first-year courses in the Universities will be mainly in Bahasa Malaysia. There must be an agency to see to it that the administrators keep within the bounds of this policy and do not deviate from the trust which the people have placed in them. There must be an assurance that whatever is laid down is carried out fairly within the framework of this policy. Otherwise the whole integrated programme will be thrown out of gear if each and every individual administrator entrusted to

implement the targetted plan were to do something out of tune with what Parliament has accepted. If this is not done, then there will be chaos in the whole system of higher education.

#### *Higher Education Co-ordinating Council*

In fact, I would say that since universities and institutions of higher learning have been developed so rapidly that there should be set up a Higher Education Co-ordinating Council to ensure that higher education, especially university education, is developed along a systematic process, especially so with the implementation of the Bahasa Malaysia policy. This agency should take over the function of overseeing the running and progress of these universities. I would even go further to say that such an agency as the Higher Education Co-ordinating Council should have membership reflecting the racial composition of the country. This will give the assurance that no one will be made to feel a sense of deprivation as guaranteed by our Prime Minister.

#### *Technical Manpower and Human Resources*

Mr Speaker, Sir, as stated in paragraph 189 of the Mid-Term Review, which I now quote:

“Achievement of the objectives of the N.E.P. demands full and optimum utilisation of all the natural, human and material resources of the country. Malaysia’s ability to attain these objectives thus depends to a large extent on the manner in which its vast human and economic potentials are developed”

and as stated in paragraph 292, there is an acute shortage of technical and managerial personnel to carry out the projects as contained in the Second Malaysia Plan. This acute shortage of both professional and sub-professional level of manpower is a very serious one and must be rectified in order to have a successful implementation of the Second Malaysia Plan. Therefore, to my mind, the only logical step for the Government to take is to take a two-pronged approach.

Firstly, by making full use of existing available human resources who have been trained in both these levels.

Mr Speaker, Sir, whilst the Review has pointed out that there is an acute shortage of manpower in the professional and sub-professional level, there are ample number of graduates and diploma-holders from universities in West Asian countries—from India, Taiwan, Indonesia and Singapore—whose trainings are not fully utilised to the fullest extent, simply because their degrees are not given recognition. After all, these graduates are citizens of this country and they have every responsibility to help in the task of nation building.

The second approach is to expand the training facilities by encouraging more institutions to be set up. The private sector should also assist in the Government’s efforts by setting up private institutions, colleges and universities to complement in the training of skilled manpower which is so essential in achieving the target of the New Economic Policy and this Second Malaysia Plan.

#### *Drop-out Problem*

Mr Speaker, Sir, another problem which continues to plague our education system is the high rate of drop-out at the primary and lower secondary levels of education. Whilst the Government may be complimented for undertaking a study of this problem, I must also caution the Government that any action taken should be such that no section of the community should be made to feel a sense of deprivation. We agree that rural schools which I take to include those in the New Villages, must be improved but this must not be done at the expense of higher education in this country, which has its role in supplying the manpower needs of the nation. Let us constantly bear in mind that the poor, irrespective of race, need all the assistance which the Government can offer. This must not only be done, but must be seen to be done irrespective of race.

#### *Correction of Imbalance in Education*

Mr Speaker, Sir, in the effort to correct the imbalance in educational opportunities, it must be pointed out that this should not be done at the expense of any community in this country. I consider it my duty to

draw the attention of this House on this point. Our Deputy Prime Minister, Datuk Hussein Onn said, and I quote:

“It is the duty of the Government to provide education for our children irrespective of their racial origin. While the children of one community for certain reasons may require special assistance and help, it will be unacceptable to reasonable and fair-minded people to deprive or restrict education from the children of the other communities. Education to whomsoever given, without doubt, will be of benefit to our country and our nation.”

In the light of the picture as presented in Table 11-4 on the enrolments in Tertiary Education by race (1970-73), one cannot help but conclude that the trend of development in tertiary education is a cause for some concern. The overall picture in enrolment distribution fairly reflects the multi-racial composition of our nation. However, a closer look at the diploma and certificate level, one will be alarmed to see that the enrolment of the Malays in 1973 is 85% while the non-Malay enrolment amounts to only 15%. This is an alarming situation and clearly indicates that if the trend and the pace is not set right, there will be perpetual imbalance in the educational system, especially in the category of diploma and certificate level. It is, therefore, urgent that the Government should take steps to correct this widening gap in the diploma and certificate level of education, so that a more racial balanced picture can be attained.

The Government should ensure that the correction of the imbalance should be done within an expanded educational system by encouraging more private institutions, colleges or universities to be set up in this country so that the private sector can complement and supplement the Government's effort in producing the required manpower so necessary in attaining the objectives of the Second Malaysia Plan.

The cost of education borne by the Government is heavy, i.e. about 16 per cent of the Plan allocation. Therefore, the Government should give incentives to the private sector to contribute their share in establishing educational institutions in line with the national education policy in order to share the financial burden in educating our children.

Mr Speaker, Sir, the Plan has also touched on the imbalances existing in the courses of study. It is recognised that this problem exists, but at the same time it must be pointed out here that whilst steps are taken to correct these imbalances, other avenues must also be opened for the other communities so that there will not exist any restriction or hindrance to pursue courses in other fields of studies. I believe that education must be given to those who want it irrespective of race and every encouragement must be given as there is no better way of investing in nation building than by providing adequate educational facilities whether on Government initiative or privately sponsored.

Mr Speaker, Sir, on the question of English language as outlined in paragraph 585, the Government while recognising the position of Bahasa Malaysia has given due recognition to the English language as a second language in this country. This is indeed important as the English language is an international language of commerce and industry, language of mathematics, science and technology. Therefore, the mastery of this language is essential if Malaysia is to attain advancement in science, technology and the technical know-how for industrialisation which is so essential to the socio-economic progress of this country.

Mr Speaker, Sir, before I conclude, I wish to reiterate that to ensure the smooth and efficient implementation of programmes under this Plan we must be guided by the principles of Rukunegara so that a just and equitable society and a united and progressive nation is attainable and to quote the Prime Minister “No one in Malaysian society need experience or feel any sense of loss or deprivation of his rights, privileges, income, job or opportunity.”

In this direction, Mr Speaker, Sir, it is my considered opinion that a Parliamentary Committee be set up to ensure that the objectives and programmes of the New Economic Policy and the Plan are carried out within the framework of a “fair and just society” for the ultimate consideration is the promotion of national unity and harmony among all the communities who live in this country. Thank you, Sir.

5.24 *ptg.*

**Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dan saya mohon izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, it is heartening to note from the Motion brought by the Honourable Prime Minister that the progress so far in implementing the Second Malaysia Plan has been beyond expectations. In this respect, Sir, I wish to congratulate all concerned, the Civil servants as well as those in the public sector, who have all contributed towards this progress.

However, Sir, I would like to touch on Chapter VI about Prices: Problems, Prospects and Policies. Sir, Malaysia has had a remarkable record of price stability during the 1960s and up to 1971. This record stands out remarkably well in comparison with most other countries of the world. Consumer prices according to our Review rose by an average of only about 1% per year during those years. This is remarkable indeed. However, Sir, Malaysia's record of sound financial and fiscal management under the direction of our Finance Minister, Tun Tan Siew Sin, was accountable for this success.

On the management of money, Sir, we have done equally well. As at the end of September, 1973, the Malaysian Ringgit had appreciated by 12.2% against the rest of the world compared with parities prevailing at the time of the Smithsonian Agreement in December 1971. This appreciation, Sir, was the highest against the Pound Sterling and the U.S. Dollar, the rates being 31.4% and 22% respectively, while the appreciation against the Japanese Yen was about 5%. Sir, this Chapter has also given a very detailed explanation on the causes of inflation which has taken a sharp turn after 1972. By and large the factors are traced to imported inflation and the spiralling world prices of food and other commodities. In spite of all this, Sir, it is however heartening to note that many positive steps have been taken by our Government to counter inflation, which I would like to summarise under six items.

- (1) Our Government has undertaken to import rice from other countries and subsidise its price when this is considered necessary. We are lucky indeed. I am from Johore. Just across the Causeway the price of rice is three times of what we are paying here.

- (2) In response to the sharp rise in the prices of most imported items the Government has lifted import restrictions on 60 major items and reduced tariff levels on some of these imported items. This is indeed wise.
- (3) The Government has also permitted the import of steel bars, billets, iron and steel, wire and tiles, etc. free of duty in order to meet the critical shortages of these materials for the booming construction industry.
- (4) In order to ensure sufficient supplies of local products and raw materials for consumption and investment, export control has been imposed on a number of items subject to significant price increases in the world market. This includes such items as cement, clinker, scrap iron, steel bars, formic acid, wheat, flour, rice, sugar, fish, meal and bricks.
- (5) Measures taken to expand production of such key construction materials as steel, cement, bricks, tiles and timber products.
- (6) The programmes for padi production have also been reviewed and decision taken to increase production particularly in the double-cropping areas of Muda, Kemubu and Besut.
- (7) There are also a host of other measures taken with regard to monetary liquidity and exchange which have beneficial effects on inflation.

I congratulate the Government on these steps being taken. However, Sir, we must be alive to the situation that whilst inflation can be somewhat controlled, the Government, with the best of intentions, cannot eradicate it totally. As long as we have to import machinery to run our factories, as long as we have to import raw materials for our production line and to import building materials for our construction and as long as we have to import rice, flour and other commodities for our consumption, we have to accept the inflation prevailing in the countries we import from. We are fully aware, Sir, that the effect of inflation tend to cause a great deal of hardship to the poor. By that I mean the rural poor and the urban "have-nots" alike. It is the people who earn a small income who find it difficult in the face of rising prices to make ends meet. Sir,

it is recognised that in order not to erode the purchasing power or the value of our *Ringgit*, such increases should be geared towards increases in real productivity in the economy as a whole. To echo our Prime Minister,

“The Government will be ever watchful to see that employers who are profitable and who can afford to do so must pass on more benefits either in terms of wage increases or special relief allowances to workers, particularly those in the lower income category”.

In this regard, Sir, before I conclude, I beg to submit a few suggestions.

- (i) We must try to ensure that the rubber tappers and other estate workers receive an equitable share of the prosperity the recent price boom has brought. About fifty per cent of our labour force are employed in the agricultural sectors. The majority of the larger rubber and palm oil estates, Sir, if I am not wrong, are foreign-owned.
- (ii) We should ensure that the factory workers and low income employees, etc. get a good deal from their employers in line with the profitability of their companies. More than 26% of our labour force, Sir, are employed in the manufacturing, commercial, mining and construction sectors and many non-Malaysian owned corporations are highly profitable. I must appeal, Sir, to employers to be as considerate to their employees as possible in the face of the inflation problems.

5.34 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan penuh harapan bagi usul Kajian Semula Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atau boleh juga dengan kata lain sebagai Bapa Pembangunan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai perkara-perkara pertanian, kemajuan perhutanan, ternakan dan perikanan serta perhubungan di mana saya fikir sangat perlu bagi rakyat dan Negeri Sarawak. Walaupun Negeri Sarawak adalah sebuah Negeri yang paling luas sekali bagi kawasan tanah lapangnya daripada semua negeri di dalam Malaysia, segala hasil pertanian jauh

daripada cukup untuk rakyat di kawasan itu sendiri pada masa sekarang ini, pertamanya beras, buah-buahan serta sayur-sayuran. Saya yakin dengan adanya Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini Negeri Sarawak dan rakyatnya tidak ketinggalan jauh di belakang daripada Negeri-negeri yang lain di dalam negara ini di bidang perusahaan pertanian, pertamanya bagi menampung bahan-bahan makanan yang perlu untuk rakyat negeri itu sendiri yang sebilangan besar daripada rakyat luar-luar bandar sekarang hidup di dalam keadaan kurang makanan yang perlu seperti beras, gula dan ikan serta sayur-sayuran.

Seperti kita telah sedia maklum pertanian adalah memainkan peranan yang sangat penting bagi Negeri Sarawak khasnya dan Malaysia pada umumnya. Dari itu, segala usaha Kerajaan dalam usaha mempelbagai dan memodenkan sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kedua ini adalah disambut oleh rakyat dengan kedua belah tapak tangan. Bagi nelayan-nelayan di kawasan saya pula ada yang masih lagi menunggu dan berdoa agar Kerajaan dapat membela untung nasib mereka itu dengan harapan mendapat pinjaman modal untuk membeli alat perkakas menangkap ikan yang baik bagi mempertingkatkan taraf kehidupan nelayan yang tidak berharta seperti kebanyakan yang terdapat di kawasan saya. Oleh itu, saya syorkan kepada pihak Kerajaan samada Bank Pertanian atau Bank Bumiputra semuga memberi pertimbangan kepada mereka yang dimaksudkan ini memberi pinjaman modal yang berpatutan bagi menyahut panggilan masyarakat adil.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan hutan di Negeri Sarawak adalah saya rasa boleh dikatakan yang berlipat-ganda besarnya daripada kawasan-kawasan setengah-setengah negeri di dalam Malaysia. Begitu juga jenis ketumbuhannya boleh jadi lebih banyak daripada jenis-jenis ketumbuhan hutan di negeri lain di dalam Malaysia. Sumber keluaran hutan Negeri Sarawaklah yang boleh dikatakan memberi kekayaan dan kehormatan kepada jutawan Negeri Sarawak yang mana baharu-baharu ini sebahagian daripada mereka itu bersubahat dengan kominis Sarawak untuk menggulingkan Kerajaan yang sah dipilih oleh sebahagian besar rakyat Negeri Sarawak yang menumpahkan taat setia tidak berbelah bahagi kepada Raja dan Negara Malaysia.

Segala perusahaan hutan atau lesen hutan yang baik-baik adalah di tangan rakyat bukan bumiputra sejak dahulu sudah. Sebagai rakyat bumiputra di Negeri Sarawak adalah orang yang menghisap hampas yang sudah dibuang sesudah dihisap madunya.

Sekarang rakyat Malaysia di Negeri Sarawak yang taat setia berharap dan bergantung serta memberi kepercayaan 100% kepada Kerajaan Campuran Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat untuk mengubah dan melaksanakan cita-cita murni Kerajaan bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya demi kepentingan kemajuan dan perpaduan rakyat Malaysia semua kaum untuk menjadikan Malaysia ini negara yang makmur bagi semua seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan juga rakyat Malaysia di Negeri Sarawak baharu-baharu ini berasa bangga dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Campuran Negeri Sarawak memberitahu iaitu sebuah universiti akan dibuat di Bintulu tidak berapa lama lagi.

Saya yakin universiti itu nanti dapat memenuhi keperluan dan memajukan lagi negeri Sarawak di dalam semua bidang sosial dan ekonomi.

Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua yang sedang berjalan sekarang pihak MARA Negeri Sarawak juga tidak ketinggalan bagi memajukan perusahaan kecil bumiputra di Sarawak seperti memberi pinjaman modal untuk berniaga dan membuat kilang-kilang perusahaan sagu dan sebagainya. Walaupun demikian, rakyat yang berkenaan lebih lagi di kawasan saya supaya janganlah menilai harta tanah kebun kaum bumiputra pertamanya kebun sagu sehingga sampai hampir 30 ekar barulah boleh meminjam sebanyak \$5,000 daripada pihak MARA. Dengan hal yang demikian, sukalah saya mendapat perhatian pihak yang berkenaan berilah peluang atau longgarkanlah sedikit peraturan bagi meminjamkan modal kepada kaum bumiputra janganlah taksiran harga tanah mereka itu terlalu jatuh seperti yang saya telah terangkan itu, sedangkan bank perniagaan bukan bumiputra di negeri Sarawak boleh memberi pinjaman yang lebih tinggi nilai harga tanah bumiputra dengan kadar faedah sama lebih kurang seperti MARA. Sekali lagi saya

merayu kepada pihak MARA atau badan-badan Kerajaan yang lain untuk melonggarkan sedikit peraturan bagi memberi peluang khasnya kepada kaum bumiputra yang benar-benar berkelayakan di bidang projek-projek perusahaan yang dipercayai boleh memberi keuntungan kepada semua pihak tidak bergantung sangat dengan jaminan dan nilai harga harta yang dijamin itu.

Mengenai ternakan dan perikanan: Bagi projek-projek ternakan adalah perkara yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Negeri Sarawak sekarang. Sekarang daging lembu, kerbau, mahupun kambing adalah sukar hendak didapati di Negeri Sarawak walaupun harganya hampir dua kaliganda daripada harga di Kuala Lumpur sekarang ini. Bagi kami rakyat di Negeri Sarawak adalah sangat berkehendakkan pelaksanaan segera projek-projek ternakan dan perikanan cara besar-besaran untuk menambah bekalan daging dan susu serta ikan-ikan yang diimport dari luar negeri sekarang. Kadang-kadang seperti berita angin yang diketahui di Sarawak baru-baru ini iaitu daging yang diimport dari luar negeri itu bukanlah yang sebenarnya daging lembu atau daging kambing, bahkan daging binatang yang lain pula. Ini adalah sangat mendukacitakan bagi kami di Sarawak. Saya percaya dengan adanya segala perkakas dan pengetahuan baru yang dirancangkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini sekurang-kurangnya dapat memberi hasil ternakan dan perikanan yang mencukupi untuk negara ini, tidak hanya bergantung sangat kepada daging, susu dan ikan yang dibawa masuk daripada negeri luar seperti yang terdapat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengangkutan dan perhubungan di Sarawak adalah menjadi satu perkara yang agak sukar sekali pada masa sekarang ini, lebih-lebih lagi di daerah kecil luar-luar bandar termasuk daerah saya di Mukah, Oya dan Balingian. Walaupun sekarang ini satu jalanraya besar dari Ulu Mukah ke Sibul telah siap dibina dan sedang dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini untuk menghubungi Bahagian Keempat Negeri Sarawak, nampaknya jalanraya kecil yang penting di daerah-daerah tertentu di Bahagian Ketiga seperti jalanraya Kuala Mukah/Kuala Oya sejauh 17 batu seperti yang pernah kedengaran di dalam Dewan yang mulia ini belum lagi diketahui untung nasib keadaan jalan tersebut di dalam tempoh masa kajian

semula Rancangan Malaysia Kedua yang raksaksa ini. Oleh itu, saya dengan sekuatkuatnya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya jalanraya di antara Kuala Mukah/Kuala Oya itu diperbaiki keadaannya bagi menjamin keperluan pembangunan ekonomi dan sosial rakyat di sekitar jalan tersebut yang sekarang sedang giat mengambil bahagian di bidang pertanian dan sebagainya, dan jalanraya ini juga sebagai saluran perhubungan yang penting sekali di antara rakyat kawasan di tepi laut daerah Mukah dan Dalam serta menghubungi Ibu Bahagian Ketiga Negeri Sarawak.

5.42 ptg.

**Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya diketahui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengemukakan mosi (motion) supaya meluluskan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua (Mid-Term Review) Rancangan Malaysia Kedua dan saya pun berasa sukacita mendengar beliau berkata bahawa untuk mencapai tujuan-tujuan perpaduan kebangsaan yang baik semua orang politik, pegawai Kerajaan, anggota-anggota Pasukan Bersenjata, anggota-anggota swasta, petani-petani, anggota kesatuan pekerja, peria-peria dan belia-belie harus menggunakan kebolehan mereka dengan sepenuhnya dan bersatu padu supaya menghadapi cabaran-cabaran ini dan mereka harus menganggap diri mereka sebagai partner pembangunan.

Saya ingin mengambil peluang ini menyentuh pada perkara yang mustahak berhubung dengan belia di negara kita. Belia-belie di negara kita harus dibuat supaya mereka mengetahui dan memahami tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru kita yang dianggap sebagai blue print perpaduan negara kita. Sebab itu segala kegiatan-kegiatan belia kita harus berasaskan berbilang bangsa, berbilang kebudayaan dan berbilang keagamaan. Perkara ini sangatlah penting. Tetapi, saya merasakan kebimbangan terhadap satu berita yang diterbitkan di *Straits Times*, 9hb Ogos, 1973 yang menyatakan bahawa komposisi Majlis Perundingan Belia Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah seperti berikut: Bahawa daripada 18 ahli-ahli yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri itu,

hanya dua orang Tionghua dan dua orang India sahaja. Bahawa daripada 22 orang yang dicalunkan oleh Majlis Belia Malaysia, satu orang India sahaja dan tidak ada orang Tionghua. Mengikut kiraan peratus bukan Melayu perwakilan orang Tionghua ialah 5 peratus sahaja. Dengan dukacitanya dinyatakan bahawa dalam satu pertubuhan kebangsaan seperti ini patutnya bilangan bangsa tidaklah dibuat mengikut propokasi (proportion) kepentingan badan-badan kebangsaan khasnya badan-badan belia, tidak dapat dinafikan. Khasnya majlis ini oleh kerana belia-belianya datang dari segala kawasan negara dan mempunyai fikiran dan mempunyai kebudayaan yang berlainan.

Ada sekumpulan orang di negara ini mempunyai satu pandangan iaitu belia-belie Tionghua Malaysia tidak berkhidmat mengambil bahagian dalam pembangunan negara. Pandangan ini, sebenarnya salah. Saya ingin menghapuskan pandangan yang salah ini di sini. Kepercayaan saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa belia-belie Tionghua jika diberikan peluang-peluang dan insentif-insentif akan menyambut tugas pembangunan kebangsaan bersama-sama semangat dan kecenderungan seperti belia-belie bangsa lain.

Saya percaya belia-belie Tionghua di sini mempunyai kecenderungan bersama dengan belia-belie bangsa lain supaya satu negara Malaysia yang bersatupadu dan harmoni dapat dimunculkan. Adalah dikatakan belia-belie hari ini adalah pemimpin-pemimpin esok, pendapat ini sangatlah betul. Berpandangan kepada komposisi bilangan kebudayaan di negara ini, adalah dianggapi mustahak bahawa perwakilan di majlis ini harus membanyakkan komposisi bilangan bangsa di negara ini. Allahyarham Tun Dr Ismail pernah berkata bahawa negara kita ialah satu negara berbilang muka bilangan bangsa dan bilangan kebudayaan, tetapi kami mengetahui tenaga dimunculkan dari campuran ini. Campuran harmoni mesti dimulai daripada belia-belie kita, khasnya di antara pemimpin-pemimpin belia. Dalam tempoh baki S.M.P. itu, saya berharap menampakan perwakilan majlis ini membanyakkan komposisi bilangan kaum negara kita, belia-belie dari semua perkauman mesti bekerja tangan dengan tangan dan membuka fikiran mereka supaya memperkuatkan fahaman antara mereka supaya bila masa mereka akan memainkan peranan bagi memimpin

negara ini. Mereka akan dapat di dalam satu tempatan supaya memunculkan satu masyarakat yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, fahaman bersama dan kerjasama antara kaum ialah dua elements yang mustahak dalam pembangunan negara. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan harus menyusun semula komposisi Majlis Perundingan Belia Kebangsaan supaya mencapai tujuan-tujuannya bagi memunculkan satuimbangan kaum yang bertujuan mencapai tujuan-tujuan perpaduan negara seperti yang dinyatakan dalam N.E.P.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong di atas usul ini.

5.55 ptg.

**Tuan Seah Teng Ngiab (Muar Pantai):**

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui dan diterima umum bahawa matlamat utama Dasar Ekonomi Baru seperti yang telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Kedua adalah perpaduan kebangsaan. Sebenarnya ada direkabentuk untuk memudahkan pencapaian matlamat ini. Perpaduan kebangsaan merupakan satu ungkapan yang sering dilaung-laungkan. Kadang-kadang ungkapan itu digunakan untuk menyembunyikan tujuan-tujuan yang bersifat perkauman atau (chauvinisma). Namun, setiap warganegara Malaysia yang waras fikirannya sedar bahawa ketuhanan Malaysia sebagai sebuah bangsa bergantung kepada usaha-usaha kita ke arah mencapai matlamat ini. Kita mestilah percaya—kerana kegagalan dalam usaha mencapai matlamat ini akan mendatangkan akibat-akibat yang amat buruk kepada negara kita.

Rancangan Malaysia Kedua mengalami satu Dasar Ekonomi Baru yang dwi-tujuan untuk pembangunan.

Yang pertama, untuk mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan tidak kira kaum;

Yang kedua, untuk meresapkan proses membentuk semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan ketakseimbangan ekonomi supaya dapat menghilangkan pengenalan kaum dengan tugas ekonomi.

Kerajaan telah menegaskan dengan amat terang sekali dalam Rancangan Malaysia Kedua dan juga dalam Peninjauan Semula Penggal Pertengahan bahawa dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan akan menjamin bahawa tiada mana-mana kumpulan akan mengalami sebarang kerugian atau merasa sesuatu kehilangan.

Peninjauan Semula Penggal Pertengahan itu termasuk satu Outline Perspective Plan meliputi jangka masa daripada 1970—1990. Seperti dikatakan dalam peninjauan semula itu outline perspective plan itu adalah untuk memberi kita satu perspective yang jelas mengenai usaha-usaha yang harus dijalankan dan membolehkan kita mengukur dan mengendalikan usaha-usaha kita secara berati apabila kita beralih dari satu rancangan ke satu rancangan berikutnya. Pendekata, Outline Perspective Plan itu menentukan matlamat-matlamat yang mesti dicapai dalam jangka masa sehingga 1990. Ia menggambarkan bahawa pada tahun 1990 kemiskinan akan dibasmi dengan tidak kira kaum dan masyarakat Malaysia akan dibentuk semula supaya semua kaum akan betul-betul berkongsi dalam pembangunan negara kita. Adalah ditegaskan sekali lagi dalam peninjauan semula itu di beberapa tempat, bahawa dalam mencapai tujuan-tujuan itu tiada seorang dalam masyarakat Malaysia patut mengalami atau merasa apa-apa kerugian atau kehilangan hak-hak, pendapatan, kerja atau peluang. Keadaan inilah yang mesti dijamin untuk membina sebuah negara yang betul-betul bersatu-padu.

Kita mempunyai kesanggupan dan ketekadan untuk berjaya. Memandangkan pentingnya kita berjaya dalam usaha yang rumit ini, maka Dasar Ekonomi Bahru dan Outline Perspective Plan itu mestilah dilaksanakan dengan tulus ikhlas dan sentiasa mengikut prinsip-prinsip asasi yang menjadi dasarnya serta dalam semangat Rukunegara. Hanya dengan berbuat demikian dapatlah Dasar Ekonomi Bahru menjadi satu kuasa yang mengokohkan perpaduan negara. Malangnya, terdapat banyak kejadian pada masa yang lalu dalam mana pelaksanaan-perlakuan rancangan itu telah samada kerana enthusiasm yang berlebihan hendak memesatkan pelaksanaan atau kerana kejahilan mengenai prinsip-prinsip asasi dan Rukunegara yang menjadi teras rancangan itu, secara sengaja atau tidak sengaja,

melaksanakan rancangan itu dengan menepikan jaminan bahawa dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Bahru Kerajaan akan menjamin tiada mana-mana satu kumpulan akan mengalami sebarang kerugian atau merasa sesuatu kehilangan. Adalah tersangat penting bahawa dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Bahru, kerjasama yang penuh perlulah didapati dari semua sektor, kaum dan golongan supaya semua prasangka dari perpisahan yang bersifat perkauman akan akhirnya dihapuskan. Oleh itu, adalah mustahak sekali dalam jangka-masa Outline Perspective Plan itu bahawa keadilan bukan sahaja diamalkan tapi juga dilihat dan diperlihatkan pengamalannya. Keadilan dan saksama dalam satu sektor akan melahirkan keadilan dan saksama dalam sektor-sektor yang lain. Satu sikap bertolak ansur adalah perlu. Bagi saudara-saudara bumiputra, alat-alat untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Bahru adalah banyak dan pelbagai-bagai. Selain dari Kerajaan sendiri, terdapat badan-badan berkanun organisasi-organisasi di bawah tajaan Kerajaan dan perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri, umpamanya PERNAS, MARA, UDA, SEDC, FELDA dan lain-lain. Warganegara bukan bumiputra mestilah diberi jaminan bahawa mereka juga mempunyai satu bahagian dalam rancangan itu, bahawa mereka mempunyai hak dan tugas untuk berkongsi dengan saudara bumiputra dalam pembangunan negara ini. Oleh yang demikian, kita mestilah cari satu jalan untuk menjamin pada semua masa bahawa—tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Bahru akan dicapai; dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Bahru dan Outline Perspective Plan prinsip-prinsip asasi dan semangat Rukunegara yang menjadi teras Dasar Ekonomi Bahru adalah tidak diketepikan. Dasar Ekonomi Bahru dilaksanakan secara tulus ikhlas dan adil. Oleh itu, kini disyorkan bahawa satu Jawatankuasa Pengawas—satu Jawatankuasa Parlimen dilantik oleh Parlimen bertanggungjawab kepada Parlimen—ditubuhkan dengan serta-merta. Jawatankuasa ini haruslah diberi kuasa menyasat dan menjamin bahawa Dasar Ekonomi Bahru dan Outline Perspective Plan adalah dilaksanakan secara ikhlas dan adil mengikut dasar Rancangan Malaysia Yang Kedua dan dalam semangat Rukunegara.

Membentuk semula masyarakat melibatkan perubahan-perubahan dan peninggalan sistem-sistem dan institusi-institusi tradisional serta nilai-nilai, dan ini tidak akan menyebabkan pengisiran dan syak wasangka. Jawatankuasa Parlimen ini tidak dapat menyelesaikan semua masaalah ini, namun ia dapat memenuhi satu fungsi penting iaitu dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Bahru dan Outline Perspective Plan dalam masa peralihan ini, bukan sahaja pelaksanaannya dijalankan secara jujur, tetapi juga pelaksanaannya mengikut jadual dan dengan pengisiran yang minimal. Jawatankuasa ini dan tugasnya akan dapat menjamin bahawa semua kaum di Malaysia tidak akan mengalami kerugian atau kehilangan hak-hak dan kepentingan mereka yang halal, tetapi juga tidak akan merasa kehilangan sesuatu.

Saya harap kita tidak akan menghadapi satu keadaan di mana kita berjaya dalam membentuk semula masyarakat kita dan menghapuskan pembahagian bidang ekonomi mengikut kaum, tetapi gagal untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Bahru iaitu perpaduan kebangsaan.

6.08 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Lapuran Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di samping saya memberikan sokongan penuh, maka beberapa pandangan dan kritik-kritik yang saya akan kemukakan semuganya pelaksanaan dapat berjalan dengan licin dan berfaedah dan berjaya dan menghasilkan matlamat yang kita maksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada itu, saya gemar mengemukakan ucapan terima kasih kami penduduk-penduduk kawasan Muar Utara di Negeri Johor amnya memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein Al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia yang mengetuai Kerajaan sekarang dengan penuh keberanian, kejujuran dan keikhlasannya menyediakan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan dapat dijalankan selama tiga tahun dengan mempunyai kejayaan yang sangat gemilang. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkat kerjasama yang diberikan dari semua lapisan rakyat dengan menanamkan perasaan parti masing-masing serta pula

teknik dan tabah pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bagi menyiapkan rancangan yang telah diaturkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terima kasih dan tahniah ini patut juga diberikan oleh keseluruhan rakyat Malaysia ini sebab bilamana Rancangan Malaysia Kedua kita ini dijalankan, maka dengan bijak dan pintarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapat menjadikan Kerajaan Persekutuan ini sebagai Kerajaan Campuran, bagaimana yang kita sedia maklum, maka dengan itu, saya fikir tidaklah keterlaluan pada saya mengatakan bahawa rakyat Malaysia pada masa sekarang ialah zaman Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan kemajuan yang begitu pesat telah dicapai pada separuh masa rancangan itu bagi meneruskan tempohnya satu peruntukan berjumlah \$2,100,000 perlu ditambah menjadikan jumlahnya \$9,350,000, maka dengan senang hati juga, saya memberikan sokongan untuk tambahan ini. Oleh sebab kita mempunyai perjuangan pada melancarkan Dasar Ekonomi Baru ini yang boleh saya sifatkan satu rancangan raksaksa dan belum pernah kita lancarkan selepas kita mencapai kemerdekaan, kita akan menuju matlamat yang jauh, iaitu bagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita rancangan kita menuju kepada tahun 90an maka beberapa faktor penting sayugia diperhatikan di samping mengkaji semula rancangan kita itu.

Di antaranya, saya memikirkan kalau rancangan kita ini hendak berjalan dengan baik dan licin, iaitu faktor luar negeri. Kita harus mempunyai sifat-sifat yang boleh menyakinkan negara-negara di dunia ini, terutama sekali negara-negara maju bagi memberikan sebarang kemudahan dan pertolongan mengikut saluran yang tertentu, yang tidak memberikan apa-apa corak bantuan dan pertolongan itu yang berupa menekan pentadbiran negeri kita atau politik dalam negeri kita. Ertinya kita tidak menghendaki bahawa negara kita ini disebutkan, iaitu telah dijajah cara ekonomi. Oleh sebab itu, sewajarnya kita menambahkan peruntukan kewangan kita supaya lebih banyak lagi kita mengadakan attache dalam bidang perusahaan dan perniagaan dan perindustrian supaya dapat lebih pelaburan modal asing supaya ditanamkan dalam negeri ini.

Faktor yang kedua, penerimaan yang sepenuhnya oleh semua warganegara Malaysia. Baharu sebentar tadi rakan sejawat saya dari Muar Pantai telah membuat satu pandangan berhubung dengan perpaduan. Dalam kita memeriksa Rancangan Malaysia Kedua ini atau Rancangan Malaysia Yang Ketiga, hendaklah diberikan faham yang mendalam dan dapat diterima oleh semua rakyat melalui apa sahaja yang boleh disampaikan kepada mereka, samada siberan am atau lain-lainnya. Kerana dalam usaha ini ada setengah rakyat atau sebilangan kecil rakyat masih ragu-ragu atau sangsi dengan menaruh kekhuatiran akan kedudukan hak taraf ekonominya yang selama ini. Dengan keadaan sekarang mereka ini diambil peluang pula oleh anasir-anasir anti-nasional yang sedang bergerak dalam negeri ini. Saya percaya, kalau kita kurang memahami kepada rakyat negeri ini, maka usaha kepada hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu akan terjejas. Majlis Perpaduan, ketua-ketua kaum dalam negeri ini boleh dilantik tugas melenyapkan atau membasmi masalah ini.

Kita telah diberitahu oleh golongan-golongan ini kononnya Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan sekarang dengan tujuan atau mereka berperasaan bahawa Kerajaan dengan cara tidak langsung merampas hak keadilan yang didapati oleh manusia-manusia ini kiranya Dasar Ekonomi Baru ini dapat dipenuhi kelak. Perkara yang macam ini, telah beberapa kali diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin Kerajaan, tetapi pada manusia-manusia ini kurang mendengar apatah lagi mereka ini dihasut oleh parti-parti Pembangkang yang hendak mengambil kesempatan pada manusia-manusia ini.

Yang ketiga, faktor yang penting dalam usaha kita hendak menyusun Dasar Ekonomi Baru ini, pertahanan dan keamanan negara hendaklah disiapkan. Dalam masa kita membuat kajian Semula Rancangan ini keteguhan dan kekuatan pertahanan dan keamanan sayugia kita kaji dengan memberikan peruntukan tambahan yang diperlukan, kerana dengan tak ada jaminan keamanan dalam negeri ini, maka segala usaha dan rancangan Kerajaan akan gagal atau menerima tentangan atau menerima berbagai-bagai kesulitan yang dihadapinya. Sebagai nadi yang boleh menghidupkan

perlaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini menurut hemah saya, maka pertahanan dan keamanan negeri ini perlu diberikan peruntukan yang lebih banyak bilamana dikehendaki oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Apa yang saya fikirkan, walaupun dalam masaalah pertahanan ini kalau kita peruntukan wang yang banyak menurut setengah pendapat bahawa rancangan untuk pembangunan kita tidak dapat dibuat, tetapi itulah apa yang telah saya katakan bahawa pertahanan dan keamanan penting demi hendak melicinkan perjalanan Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan hendaklah membesarkan Battalion Pasukan Pertahanan kita dalam semua bidang dan menambahkan Pasukan Sukarela untuk membantu Pasukan Pertahanan dan Askar Wataniah kita yang ada sekarang hendaklah diserapkan menjadi sebahagian daripada Angkatan Tentera kita yang tetap.

Selain daripada itu, dalam masaalah kewangan pertahanan yang tujuannya apa yang telah saya katakan tadi, hendaklah diberikan alat peperangan yang cukup, senjata yang cukup, yang moden, yang sesuai dengan keadaan dan bilamana pihak pertahanan menghendaki wang kerana alat kelengkapan pertahanan dan keamanan, saya tidaklah mahu bahawa Jabatan Perbendaharaan selalu lewat-lewatkan atau menolak permohonan itu dan juga alatan-alatan pertahanan yang kita akan beli untuk keamanan dan pertahanan negeri kita ini janganlah kita memakai agensi-agensi; ada lebih baik kita mengadakan sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar pertahanan dan pihak Perbendaharaan dan juga beberapa orang anggota Kerajaan dibeli terus kepada Kerajaan yang ada kilang mengeluarkan alat-alat itu, tidak sebagaimana sekarang, kita dapat tahu bahawa setengah-setengah alat pertahanan seperti kereta kebal yang kita beli itu tidak boleh digunakan, padahal baharu, tetapi bocor. Masaalah ini juga ada kaitan dengan Rancangan Dasar Ekonomi Baru.

Kita juga patut mendalami dan mengikuti Perjanjian-perjanjian Pertahanan Sempadan antara kita dengan Thailand dan Indonesia supaya segala anasir-anasir yang cuba hendak menggagalkan atau melambatkan Rancangan Dasar Ekonomi Baru kita ini dapat dibasmikan atau dapat dihapuskan.

Saya gemar membaca satu perkara dalam Dasar Ekonomi Baru kita ini iaitu tambahan wang untuk memajukan orang Melayu. Dalam lapuran yang sedia ada di hadapan kita ini bahawa sebilangan ramai rakyat yang miskin dalam negeri ini peratusnya ialah orang-orang Melayu. Tadi telah dikatakan bahawa Kerajaan telah mengadakan UDA, MARA, perbadanan-perbadanan dan agensi-agensi Kerajaan. Tujuan Kerajaan ialah hendak memberi pertolongan kepada bumiputra sebab orang-orang Melayu ketinggalan lebih jauh daripada orang-orang yang bukan Melayu. Sekiranya Kerajaan tidak menubuhkan perbadanan-perbadanan ini, maka jurang ketinggalan orang Melayu itu akan lebih jauh. Maksud dan tujuan Kerajaan mengadakan perbadanan-perbadanan ini, dengan tujuan supaya dapat perimbangan, kedudukan ekonomi orang Melayu dan dengan orang yang bukan Melayu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan telah sampai matlamatnya, keadaan ini tidak akan dijalankan lagi. Walaumacama mana, Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan adalah cukup jelas dan menguntungkan bumiputra dalam perkara-perkara ini, tetapi perubahan dan penyesuaian serta kecepatan bertindak dari badan-badan tersebut masih berliku-liku dan lambat. Kerajaan harus tiap-tiap masa sejauh mana telah dapat dilaksanakan badan-badan ini untuk faedah bumiputra dalam meninggikan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan apa punca yang tak dapat diterima oleh ahli perniagaan dan perusahaan orang Melayu patut diperbetulkan. Seharusnya ada syarat-syarat yang begitu ketat, yang begitu berat, tak dapat diterima oleh bumiputra patutlah kita fikir supaya dikendurkan atau dihapuskan.

Tadi saudara saya daripada Mukah telah mengatakan bahawa MARA, bilamana hendak meminjamkan kepada bumiputra kerana modal perusahaan, meminjam wang sebanyak \$5,000 tetapi hendak gadaikan tanah 30 ekar. Keadaan yang semacam ini menurut hemah saya pada segi perniagaan adalah melambatkan usaha berniaga dan memberatkan bebanan bumiputra pada mendapatkan modal. Saya fikir terlanjur Kerajaan mengkaji balik Dasar Ekonomi Baru ini dalam badan-badan yang berkanun ini patut difikirkan dan dikaji semula, dan kalau boleh di mana juga badan-badan yang berkanun seperti Perbadanan Kemajuan

Negeri, UDA, MARA, Bank Bumiputra, Bank Pertanian, perkara-perkara yang semacam ini patut dikaji balik supaya rakyat bumiputra dengan senang hati dapat menerima akan kemudahan-kemudahan badan-badan ini ditubuhkan oleh Kerajaan.

Saya beri satu contoh bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Johor baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberikan tawaran kepada orang Melayu, tetapi kata ahli Dewan Perniagaan Melayu selama ini tawaran-tawaran itu tersembunyi bagi mereka. Keadaan yang semacam ini, kalau ada berlaku dalam Negeri Johor mungkin juga ada berlaku kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di tempat-tempat lain. Oleh itu, saya mensarankan, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang seumpama ini patut dalam Jawatankuasanya itu dimasukkan Ahli-ahli Dewan Perniagaan bumiputra dalam negeri itu. Dengan hal yang macam ini, segala peluang-peluang kalau perbadanan itu tidak boleh buat, perbadanan boleh menyerahkan kepada bumiputra dalam usaha perindustrian, perniagaan dan perusahaan

Saya sentuh dalam masalah pelajaran. Tadi rakan sejawat saya daripada Setapak, diantaranya beliau telah menyebutkan bahawa rakyat Malaysia sangat kekurangan tenaga-tenaga yang terlatih, yang bijak. Maka dengan sebab itu, satu daripada perkaranya, ia telah menyatakan kelemahan Kerajaan tidak mahu mengiktirafkan universiti-universiti jiran kita. Saya syorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan jangan gopoh, Kerajaan jangan telatah dalam jolokkan yang dikemukakan ini. Kita ada mempunyai prinsip sendiri. Kita mempunyai usaha sendiri, hendak mencerdak-pandaikan anak-anak bumiputra dalam negeri ini selain daripada kita mendirikan universiti yang ada sekarang. Kita telah mengadakan banyak maktab, institut-institut yang telah diadakan dalam negeri ini, maka perkara yang dibangkitkan supaya Kerajaan ini telatah mengiktiraf universiti yang ditujukan ialah Universiti Nanyang, Singapura atau Universiti Taiwan supaya dengan keadaan ini kononnya bahawa tidaklah kekurangan orang-orang yang bermutu yang berkecayaan bagi membuatkan usaha pembangunan dalam negeri.

Satu perkara dalam Dasar Ekonomi Baru dari segi pelajaran ini, saya mengharapkan Kementerian dan Kerajaan jangan lupa bahawa dalam negeri ini ada anak-anak yang dilahirkan yang tak ada pelajaran. Kita kena membuat satu kajian dan satu siasatan. Jumlah anak-anak Malaysia ini yang patut bersekolah tetapi tak bersekolah. Saya memikirkan bahawa kejadian ini masih ramai anak-anak kita yang tidak bersekolah dengan sebab kedudukan ibu bapanya duduk di kampung dan di ulu-ulu, ataupun ibubapanya telah menjadi majikan-majikan setengah-setengah kilang yang jauh, dan dengan sebab itu, anak-anak mereka tidak bersekolah. Keadaan membiarkan anak-anak kita di Malaysia ini tidak disekolahkan itu adalah satu kerugian kepada negara ini dan bagi pihak Kerajaan, saya fikir adalah bertanggungjawab setelah disiasat jumlah ramainya anak-anak kita yang patut bersekolah, tetapi tidak bersekolah dan diikhtiarkan macam mana mereka ini supaya disekolahkan samada mereka ini duduk di bandar, di asrama-asrama yang tertentu supaya dapat mereka ini menerima ilmu pengetahuan yang sedang kita jalankan sekarang ini.

Yang kedua, dalam perkembangan baru kita di Malaysia ini bukanlah sebuah negara yang mempunyai tempat yang lebih banyak institusi seperti I.T.M., MARA ataupun Universiti Kebangsaan, kita telah bermurah hati memberi peluang kepada rakyat-rakyat negeri lain belajar ke tempat kita. Tetapi malangnya, seperti yang terjadi kepada rakyat Brunei, Kerajaannya perintahkan mereka balik. Saya tidak mahu, kenapa kita pula pergi melutut dengan Kerajaannya supaya meminta jangan dipanggil balik pelajar-pelajar. Ini satu kejadian tidak patut kita buat. Kalau Kerajaannya telah memanggil rakyatnya balik, biarlah mereka balik. Kita tak payah minta kepada Kerajaannya supaya ditahan mereka belajar semula dalam negeri ini. Kejadian ini, saya fikir tak patut diulangi.

Kita telah dituduh bahawa pelajar-pelajar yang belajar di negeri kita ini mempunyai perasaan takut mengancam nyawa. Kejadian ini, saya harap Kerajaan memberi jawapan yang segera, yang tegas, bahawa selama mereka belajar dan siapa juga yang belajar dalam negeri ini cara-cara menakutkan penuntut-penuntut itu tidak dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Saya fikir tuduhan ini

adalah satu tuduhan yang jahat. Saya tidak fikir datangnya tuduhan ini daripada rakyat Brunei sendiri boleh jadi tuduhan ini datangnya daripada Kerajaan British sebagai naungan Kerajaan Brunei.

Selain daripada itu berhubung dengan sekolah-sekolah rendah. Dalam peruntukan ini Kerajaan banyak memberi peruntukan kerana tambahan dalam Kementerian Pelajaran dengan tujuan memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah rendah khasnya sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Sekolah-sekolah ini, pada masa dahulu memang disedari oleh Kerajaan tetapi dengan Dasar Ekonomi Baru ini bahawa Kerajaan terpaksa menambah peruntukan ini sebab kurangnya anak-anak Melayu atau

anak-anak luar bandar khasnya anak-anak bumiputra dalam bidang sains dan teknologi, satu daripada sebab-sebabnya, kerana Kerajaan tidak menyediakan alat-alat sains yang cukup di sekolah-sekolah menengah di luar bandar. Kesedaran ini telah disedari oleh Kerajaan dengan peruntukan ini, maka saya harap pada masa yang akan datang kekurangan anak-anak Melayu dalam bidang sains dan teknologi ini akan dapat diatasi . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*